



LAPORAN TAHUNAN 2020

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN PENGERUSI	1 - 4
MAKLUMAT KORPORAT	5 - 8
• PENGENALAN	
• LOGO	
• VISI, MISI DAN MOTO	
• FUNGSI SURUHANJAYA	
PROFIL DAN PELANTIKAN PESURUHJAYA	9 - 16
CARTA ORGANISASI	17 - 18
PENCAPAIAN 2020	19 - 60
• PENGENALAN	
• STATISTIK	
• ADUAN	
• SIASATAN	
• SESI LIBAT URUS EAIC BERSAMA DENGAN AGENSI PENGUATKUASAAN	
• LAWATAN KERJA EAIC KE LUAR NEGARA	
• PERUNDANGAN	
• PROMOSI DAN PUBLISITI	
• PENDIDIKAN	
• EAIC DAN MEDIA MASSA	
• EAIC DAN MEDIA SOSIAL	
• LAWATAN DAN KUNJUNGAN	
• TADBIR URUS KORPORAT	
PENYATA KEWANGAN	61 - 68
PENGUKUHAN DAN TRANSFORMASI	69 - 74
• AGENDA 2020	
• PERANCANGAN 2021	
SOROTAN 2020	75 - 86
SIJIL-SIJIL	87 - 94

PERUTUSAN PENGERUSI

PERUTUSAN PENGERUSI



Bagi pihak Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), saya dengan sukatanya membentangkan Laporan Tahunan EAIC bagi tahun 2020.

Menyusuri tahun 2020 bukanlah mudah. Tahun yang penuh cabaran dan dugaan, terutama dengan pandemik Covid-19 ini memaksa seluruh dunia menjalani kehidupan norma baharu yang merencatkan perancangan dan perjalanan setiap organisasi, tidak terkecuali Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC). Bagaimanapun, dengan iltizam dan komitmen penuh serta gandingan bahu seluruh warga EAIC, meliputi kakitangan, pegawai dan Pesuruhjaya EAIC, segala cabaran dan dugaan tersebut dapat ditempuhi.

“dengan iltizam dan komitmen penuh, serta gandingan bahu seluruh warga EAIC, meliputi kakitangan, pegawai dan Pesuruhjaya EAIC; segala cabaran dan dugaan tersebut dapat ditempuhi”

MERENUNG TAHUN 2020

Tahun 2020 bermula di EAIC tanpa barisan Pesuruhjaya sejak Oktober 2019. Bagaimanapun, EAIC tetap menjalankan fungsi menerima aduan daripada orang awam tentang salah laku pegawai penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700]. Pada tahun itu, EAIC telah menerima sebanyak 1008 aduan terhadap pelbagai agensi penguatkuasaan. EAIC telah membuka sebanyak 554 fail aduan. Banyak aduan yang diterima bersifat kecil, remeh dan ada juga yang ditujukan kepada agensi penguatkuasaan bukan seliaan EAIC.

Walaupun tumpuan diberikan kepada aduan daripada orang awam tentang salah laku seseorang pegawai penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan, EAIC turut melaksanakan fungsi lain di bawah Akta 700. Antara lain, mengadakan sesi libat urus bersama agensi penguatkuasaan seliaan EAIC seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (Unit Penguatkuasaan Bahagian Pelesenan) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Bahagian Penguatkuasaan). Sesi libat urus yang diadakan adalah aspirasi EAIC untuk mengadakan hubungan baik dengan agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC bagi meningkatkan integriti pegawai penguat kuasa.

EAIC juga terlibat dalam lawatan kerja YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) pada bulan Februari 2020 ke pejabat Independent Office for Police Conduct (IOPC) dan The Directorate of Professional Standards (DPS), Metropolitan Police Service di United Kingdom. Lawatan kerja tersebut bertujuan menimba ilmu mengenai struktur, tadbir urus, kuasa dan fungsi IOPC sebagai sebuah badan pengawasan agensi penguatkuasaan.

Selain itu, kajian bagi ‘Memantapkan Proses Tatatertib Dalam Perkhidmatan Awam Hasil Daripada Laporan Siasatan EAIC’ telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) Siri 13 Bil. 3 Tahun 2020 pada 19 November 2020. Kajian ini bertujuan menjadikan dapatan siasatan EAIC sebagai sebahagian daripada keterangan untuk tindakan tatatertib. Mesyuarat telah bersetuju dengan syor dan memutuskan supaya diadakan perbincangan dengan Ketua Setiausaha Negara dan Jabatan Peguam Negara bagi memperhalusi pelaksanaannya.

LANGKAH PROAKTIF

Ketidaaan barisan Pesuruhjaya untuk memutuskan penyelesaian aduan yang diterima sebagaimana diperuntukkan oleh Akta 700 menyebabkan berlakunya tunggakan aduan dan siasatan. Dengan pelantikan barisan Pesuruhjaya berkuat kuasa 1 Julai 2020, EAIC berazam untuk menyelesaikan segala fail aduan dan siasatan tertungggak tersebut dan memastikan EAIC terus bertindak sebagai badan pengawasan integriti selaras dengan tujuan penubuhannya.

Dalam menyelesaikan fail aduan dan siasatan yang tertungggak tersebut, EAIC telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan Mesyuarat Suruhanjaya lebih kerap iaitu 3 kali sebulan, 2 kali secara fizikal dan sekali secara maya dan juga edaran Kertas Resolusi setiap hari melalui e-mel kepada semua Pesuruhjaya. Langkah yang diambil ini, dapat menyelesaikan kes tertungggak lebih cepat, di samping dapat menyelesaikan kes terkini hingga tahun 2020 dengan lebih cepat.

Penambahbaikan proses penyelesaian aduan juga telah dilakukan dengan membuat pindaan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) Penerimaan Aduan Bahagian Operasi. Antara penambahbaikan dalam SOP baharu ini ialah langkah mempercepatkan proses penerimaan aduan daripada 3 hari kepada 1 hari dengan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Aduan (JKA) setiap hari dan juga memendekkan tempoh masa siasatan awal dalam masa 10 hari bekerja. Selain itu, tempoh masa penyelesaian fail siasatan juga disingkatkan kepada 6 bulan tertakluk kepada kerumitan sesuatu kes. Melalui penambahbaikan ini, pengurusan aduan dan siasatan menjadi lebih efisien selain dapat meningkatkan tahap perkhidmatan EAIC kepada orang awam.

MEMPERKUKUHKAN PELAKSANAAN AKTA 700

Bagi melaksanakan fungsi badan pengawasan integriti dalam kalangan agensi penguatkuasaan di bawah Akta 700, EAIC pasti tidak boleh dan tidak mampu untuk bergerak sendiri. Hal ini disebabkan bilangan perjawatan adalah kecil (sebanyak 78 orang), peruntukan kewangan sebanyak RM8 juta setahun dan Akta 700 pula hanya memperuntukkan kuasa untuk EAIC mengemukakan syor kepada agensi penguatkuasaan. Hanya Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) agensi penguatkuasaan mempunyai kuasa untuk menjatuhkan sebarang hukuman.

Oleh yang demikian, dalam mengukuhkan pelaksanaan Akta 700, EAIC giat dan gigih membina jalinan kerjasama (*to work through others and with others*) bukan sahaja dengan agensi penguatkuasaan seliaan EAIC, malah dengan organisasi berkepentingan yang terdiri daripada agensi Perkhidmatan Awam dan juga Badan Bukan Kerajaan (NGOs).

“dalam mengukuhkan pelaksanaan Akta 700, EAIC giat dan gigih membina jalinan kerjasama (*to work through others and with others*)”

Pada tahun 2020, pertemuan empat mata telah saya adakan bersama dengan YBhg. Tan Sri Abdul Hamid Bador, Ketua Polis Negara dan seterusnya dengan YBhg. Datuk Seri Azam Baki, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Susulan pertemuan-pertemuan tersebut, satu sesi pertemuan melibatkan Pengerusi EAIC, Ketua Polis Negara, Ketua Pesuruhjaya SPM dan Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah (GIACC) telah diadakan di Bukit Aman pada 27 November 2020. Sesi pertemuan yang melibatkan kepimpinan tertinggi agensi tersebut telah membincangkan dan berkongsi pandangan tentang isu semasa dan langkah yang boleh diambil untuk meningkatkan integriti dalam kalangan pegawai penguat kuasa khususnya dan pegawai Perkhidmatan Awam amnya.

Kesinambungan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan seliaan dan organisasi berkepentingan terutama agensi Perkhidmatan Awam akan diteruskan dan diperkuuh lagi pada tahun 2021.

MEMACU EAIC

Dalam memacu dan meningkatkan prestasi EAIC, selain menangani aduan yang wajar, EAIC juga akan menumpukan perhatian kepada fungsi lain yang diperuntukkan di bawah Akta 700. Pendekatan yang akan dilaksanakan ialah langkah mengkaji secara mendalam isu yang membelenggu agensi penguatkuasaan dan mengesyorkan penyelesaian jangka panjang untuk menghapuskan masalah berkaitan atau sekurang-kurangnya mengurangkan kejadiannya.

Sehubungan dengan ini, pada tahun 2021, EAIC akan menjalankan kajian menyeluruh dan mendalam mengenai Isu Kematian Dalam Tahanan. Satu Jawatankuasa Pencegahan Kematian Dalam Tahanan akan ditubuhkan bagi mengumpul maklumat berkaitan trend

PERUTUSAN PENGERUSI

kematian di dalam lokap. Jawatankuasa ini akan mengusulkan penambahbaikan peruntukan perundangan serta polisi berkaitan dengan pengurusan lokap dan logistik.

Selain itu, EAIC juga merancang untuk melantik seorang pegawai sebagai Pegawai Perhubungan (*Liaison Officer*) bagi setiap agensi penguatkuasaan seliaan yang akan bertindak sebagai pemudah cara bagi pihak EAIC melancarkan komunikasi dan perhubungan dua hala antara EAIC dengan 21 agensi penguatkuasaan seliaan.

EAIC sebagai badan pengawasan integriti, beriltizam melaksanakan tugas sebaik mungkin, sehingga isu integriti tidak lagi membelenggu pegawai penguat kuasa agensi penguatkuasaan di negara ini.

Integriti perlu menjadi teras budaya kerja kita semua. Dengan kerjasama semua pihak, tahap integriti pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan boleh mencapai satu kedudukan yang tinggi. Dengan tahap yang tinggi, keperluan pemantauan oleh EAIC dan agensi serupa yang lain mungkin berkurangan kerana pegawai dan warga kerja agensi penguatkuasaan sendiri telah “internalise” keperluan untuk memantau dan mengekang salah laku dalam kalangan mereka. Semoga usaha dan iltizam ini menjadi kenyataan suatu hari nanti.

MAKLUMAT KORPORAT

MAKLUMAT KORPORAT

PENGENALAN

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan melalui Akta Parlimen, di bawah seksyen 3 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] yang diwartakan pada 3 September 2009. Akta 700 telah dikuatkuasakan pada 1 April 2011.

Akta ini menggantikan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis 2005. Penubuhan EAIC selaras dengan sasaran Kerajaan untuk menyemai dan meningkatkan integriti dalam kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan justeru memperkuuhkan keyakinan orang ramai terhadap mereka.

LOGO



Penerangan Berkenaan Logo

Tiga bentuk lakaran yang diolah menyerupai kuku harimau melambangkan keberanian melindungi kepentingan orang awam. Tiga bentuk yang bertindih tersebut melambangkan semangat dalam memupuk integriti dan saling membantu antara EAIC, orang ramai, dan agensi penguatkuasaan.

Tiga warna iaitu merah, emas dan hitam adalah gambaran simbolik untuk EAIC –

- (i) warna merah melambangkan ketegasan EAIC dalam memperkasakan integriti agensi penguatkuasaan;
- (ii) warna emas melambangkan EAIC memandang berat dan menganggap penting setiap fungsi yang diamanahkan kepadanya melibatkan integriti; dan
- (iii) warna hitam melambangkan keberanian EAIC untuk bertindak tanpa rasa takut dan bimbang (*without fear or favour*).

Tiga bucu tepat bertembung menunjukkan EAIC mengamalkan ketegasan, ketelusan dan efisien dalam melaksanakan tugas.

VISI, MISI DAN MOTO



FUNGSI SURUHANJAYA

Sejak Akta 700 dikuatkuasakan, EAIC telah mula melaksanakan fungsi yang diperuntukkan di bawah subseksyen 4(1) Akta 700. Fungsi utama EAIC adalah menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap pegawai penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan dan menyiasat serta mengadakan pendengaran berhubung dengan aduan yang diterima. Oleh yang demikian, aktiviti penguatkuasaan akan sentiasa dipantau dan sekiranya terdapat salah laku, tindakan susulan yang sewajarnya akan disyorkan.


Fungsi EAIC yang diperuntukkan di bawah subseksyen 4(1) Akta 700 adalah seperti yang berikut:

- (a) menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seseorang pegawai penguat kuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan secara amnya dan menyiasat serta mengadakan pendengaran mengenai aduan sedemikian;
- (b) merumuskan dan mengadakan mekanisme bagi mengesan, menyiasat dan mencegah salah laku oleh seseorang pegawai penguat kuasa;
- (c) melindungi kepentingan orang ramai dengan mencegah dan menangani salah laku seseorang pegawai penguat kuasa;
- (d) mengadakan pengauditan dan pemantauan mengenai aspek tertentu operasi dan tatacara sesuatu agensi penguatkuasaan;
- (e) menggalakkan kesedaran tentang, penambahbaikan mengenai, dan pendidikan berhubung dengan, integriti di dalam sesuatu agensi penguatkuasaan dan mengurangkan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa;
- (f) membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan, atau mengesyorkan langkah pentadbiran kepada Kerajaan atau sesuatu agensi penguatkuasaan, demi menggalakkan integriti dan menghapuskan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa;
- (g) mengkaji dan menentusahkan apa-apa pelanggaran tatacara penguatkuasaan dan membuat apa-apa syor yang perlu berhubung dengannya; dan
- (h) membuat lawatan ke premis sesuatu agensi penguatkuasaan termasuk melawat balai polis dan lokap mengikut tatacara di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dan membuat apa-apa syor yang perlu yang berhubungan dengannya.

PROFIL DAN PELANTIKAN PESURUHJAYA

PROFIL DAN PELANTIKAN PESURUHJAYA

Keanggotaan EAIC selaras dengan peruntukan subsekyen 5(1) Akta 700 yang menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong hendaklah, atas nasihat Perdana Menteri, melantik tidak lebih daripada tujuh Pesuruhjaya, yang terdiri daripada seorang Pengerusi dan seorang Timbalan Pengerusi. Keanggotaan ini adalah bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dan setiap Pesuruhjaya tidak boleh memegang jawatan melebihi dua tempoh yang berturut-turut selaras dengan subsekyen 7(1) dan (2) Akta 700.



PENGERUSI

YBHG. TAN SRI SIDEK HASSAN telah diperkenan pelantikannya sebagai Pengerusi EAIC oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI berkuat kuasa mulai 1 Julai 2020 untuk tempoh tiga tahun.

YBhg. Tan Sri Sidek Hassan ialah graduan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) (Pentadbiran Awam) (1974) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (M.B.A) dari Southern New Hampshire University (1984). Pada tahun 2001, beliau juga telah mengikuti Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School.

YBhg. Tan Sri Sidek Hassan telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik selama 38 tahun dengan tempoh enam tahun terakhir perkhidmatannya adalah sebagai Ketua Setiausaha Negara (KSN) sehingga beliau berusia 61 tahun pada 24 Jun 2012. Sebagai KSN, beliau adalah Pengurus Institut Integriti Malaysia (IIM), institusi yang terlibat secara aktif dalam penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menggantikan Badan Pencegah Rasuah (BPR) dalam tahun 2009, serta Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711].

Memulakan kerjaya dalam Perkhidmatan Awam pada 15 April 1974 sebagai Penolong Pengarah di Bahagian Perdagangan Antarabangsa, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (MITI), beliau mempunyai pengalaman yang luas di MITI dan pernah bertugas di Pejabat MITI di Tokyo (Jepun), Sydney (Australia) dan Washington D.C (Amerika Syarikat). Beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan) pada 19 Januari 2001 dan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada 24 Oktober 2004.

Beliau turut menerajui beberapa institusi pengajian tinggi iaitu sebagai Presiden Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dari tahun 2008 hingga 2013 dan sebagai Pro-Canselor Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) dari tahun 2012 hingga 2018.

YBhg. Tan Sri Sidek Hassan ialah mantan Pengerusi Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), jawatan tersebut disandang dari Julai 2012 hingga Jun 2018.

Selain itu, beliau pernah berkhidmat sebagai Pengerusi KLCC Property Holdings Berhad, KLCC REIT Management Sdn. Bhd. dan KLCC Holdings Sdn. Bhd. YBhg. Tan Sri Sidek Hassan juga telah dilantik sebagai Pengerusi Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) pada tahun 2016 hingga 2018. Beliau juga pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah Top Glove Corporation Berhad dan juga Malayan Flour Mill Berhad.

TIMBALAN PENGERUSI

YBHG. TAN SRI DATUK ZAINUN ALI ialah graduan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LL.B) (Kepujian), Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Undang-Undang (LL.M) University of Cambridge, United Kingdom (1984).

YBhg. Tan Sri Datuk Zainun Ali menyandang pelbagai jawatan dalam bidang perundangan dan kehakiman sepanjang kariernya sejak tahun 1976. Beliau berkhidmat sebagai Pendaftar Syarikat di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada Oktober 1990. Pada November 1994, beliau berkhidmat sebagai Ketua Pendaftar di Mahkamah Persekutuan Malaysia dan kemudiannya dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman di Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur pada Ogos 1996. Pada tahun 2012, YBhg. Tan Sri Datuk Zainun Ali kemudian dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan. YBhg. Tan Sri Datuk Zainun Ali merupakan ahli organisasi International Association of Women Judges yang berpusat di Washington D.C, Amerika Syarikat.

YBhg. Tan Sri Datuk Zainun Ali adalah antara 10 orang Hakim Ahli Lembaga Penasihat Rangkaian Integriti Kehakiman Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Global Judicial Integrity Network) yang berusaha untuk meningkatkan integriti kehakiman di seluruh dunia.

YBhg. Tan Sri Datuk Zainun Ali dilantik sebagai Pengerusi, Lembaga Pengarah Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) pada tahun 2019. Beliau juga ahli Lembaga Pengarah Permodalan Nasional Berhad (PNB) pada tahun yang sama.

YBhg. Tan Sri Datuk Zainun Ali dilantik sebagai ahli Administrative Tribunal di Islamic Development Bank, Jeddah pada tahun 2021. Beliau juga seorang penimbang tara di bawah Asia International Arbitration Centre (AIAC).

Berkuat kuasa mulai 1 Julai 2020, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI telah memperkenan pelantikan beliau sebagai Timbalan Pengerusi EAIC untuk tempoh tiga tahun.

PESURUHJAYA

YBHG. TAN SRI MAHMOOD ADAM ialah graduan Ijazah Sarjana Muda Sastera (B.A.) (Kepujian), Universiti Malaya (1976).

YBhg. Tan Sri Mahmood Adam memulakan khidmat sebagai Pegawai Tadbir Am di Jabatan Imigresen Malaysia pada tahun 1976 dan Pegawai Tadbir dan Diplomatik di beberapa agensi Perkhidmatan Awam persekutuan lain iaitu Kementerian Pertahanan (1981), Jabatan Perkhidmatan Awam (1986), Jabatan Perdana Menteri (1992) dan Kementerian Luar Negeri (1996). YBhg. Tan Sri Mahmood Adam berpengalaman berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia di Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2003 dan seterusnya dilantik sebagai Setiausaha Dewan Rakyat di Parlimen Malaysia pada tahun 2006.

YBhg. Tan Sri Mahmood Adam turut menyandang beberapa jawatan eksekutif dalam Perkhidmatan Awam iaitu sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pentadbiran) di Kementerian Pertahanan (2007), Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (2008), Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (2009) dan Penggerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam serta Penggerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan pada tahun 2012 hingga 2015.

Beliau telah diperkenan pelantikan sebagai Pesuruhjaya EAIC oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI berkuat kuasa mulai 1 November 2020 untuk tempoh tiga tahun.

YBHG. TAN SRI DATO' WIRA AZIAH ALI ialah graduan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian), Universiti Malaya (1976).

YBhg. Tan Sri Dato' Wira Aziah Ali memulakan profesion perundangan dan kehakiman sejak tahun 1976 di Kementerian Pertahanan, Jabatan Peguam Negara (1978) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (1988). Seterusnya, beliau dilantik sebagai Hakim Kanan Mahkamah Sesyen, Negeri Sembilan (1992), Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya (1994) dan bertugas sebagai Penasihat Undang-Undang Negeri Sembilan pada tahun 2001 sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) pada tahun yang sama.

YBhg. Tan Sri Dato' Wira Aziah Ali kemudian dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 2007, Hakim Mahkamah Rayuan pada 2011 dan Hakim Mahkamah Persekutuan pada 2016.

YBhg. Tan Sri Dato' Wira Aziah Ali dilantik menganggotai Jawatankuasa Rayuan Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC) di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 1 September 2020.

Beliau telah diperkenan pelantikan sebagai Pesuruhjaya EAIC oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI berkuat kuasa mulai 1 November 2020 untuk tempoh tiga tahun.

YBHG. DATO' ALIZATUL KHAIR OSMAN KHAIRUDDIN ialah graduan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) di Universiti Malaya (1976) dan Ijazah Sarjana Undang-Undang, di London School of Economics, University of London, United Kingdom (1982).

YBhg. Dato' Alizatul Khair Osman Khairuddin berpengalaman luas dalam bidang perundangan dan kehakiman sejak tahun 1976. Bermula sebagai Penasihat Undang-Undang di Kementerian Pendidikan pada tahun 1984, kemudian di Jabatan Peguam Negara sebagai Timbalan Ketua Bahagian Guaman pada tahun 1995 dan Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang pada tahun yang sama.

YBhg. Dato' Alizatul Khair Osman Khairuddin kemudian dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman di Mahkamah Tinggi Shah Alam (2003), Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam (2004), Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (2008) dan Hakim Mahkamah Rayuan (2011) sehingga dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan pada tahun 2017 sehingga 2019. Beliau telah diperkenan pelantikan sebagai Pesuruhjaya EAIC oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI berkuat kuasa mulai 1 November 2020 untuk tempoh tiga tahun.

YBHG. DATO' JOHN LOUIS O'HARA ialah graduan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari King's College, University of London (1974) dan Barrister-at-Law dari Lincoln's Inn, London (1976).

YBhg. Dato John Louis O'Hara berpengalaman luas dalam bidang perundangan dan kehakiman. Beliau memulakan karier sebagai Majistret Mahkamah Majistret Kuala Lumpur (1976-1977), Timbalan Pendakwa Raya (1977-1982), Peguam Kanan Persekutuan, Bahagian Penasihat dan Antarabangsa Jabatan Peguam Negara (1982-1988) dan Penasihat Undang-Undang, Kementerian Pertahanan (1988-1992).

Setelah itu, beliau dilantik sebagai Hakim Kanan di Mahkamah Sesyen Kota Bharu (1992-1994), Penasihat Undang-Undang Kementerian Luar Negeri (1994-1999), Timbalan Ketua Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara (1999) dan Pengerusi Mahkamah Perindustrian (2000-2001). Beliau juga dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Penasihat, Jabatan Perdana Menteri (2002-2003) dan Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa di Jabatan Peguam Negara (2003-2005).

YBhg. Dato' John Louis O'Hara kemudian dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Pulau Pinang (2005-2007), Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang (2007-2010) dan Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada tahun 2011 sehingga beliau bersara pada 2017.

Berkuat kuasa mulai 1 Julai 2020, Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI telah memperkenan pelantikan YBhg. Dato' John Louis O'Hara sebagai Pesuruhjaya EAIC untuk tempoh tiga tahun.

YBRS. PROF. DR. NIK AHMAD KAMAL NIK MAHMOD ialah graduan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang Universiti Malaya (1986) dan Ijazah Sarjana Undang-Undang King's College, University of London, England (1988), Diploma Syariah Latihan dan Amalan UIAM (1991) dan Ijazah Doktor Falsafah, University of Aberdeen, Scotland (1995).

Memulakan karier di UIAM pada tahun 1986, YBrs. Prof. Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod berkhidmat sebagai tutor sebelum dilantik sebagai pensyarah pada tahun 1988. Selain berkhidmat sebagai pensyarah, beliau turut memegang jawatan pentadbiran dalam pengurusan akademik dan hal ehwal pelajar. Beliau pernah memegang jawatan Dekan Fakulti, Timbalan Dekan Fakulti dan Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar). Beliau seterusnya dilantik sebagai Penasihat Undang-Undang, UIAM dari tahun 2012 hingga tahun 2016.


Di samping itu, beliau pernah menganggotai beberapa jawatankuasa penting dalam UIAM termasuk Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Peraturan dan Pengawalan Pengurusan, Pengerusi Jawatankuasa Akaun Amanah bagi Akaun Amanah Kakitangan Mungkir Kontrak (T-118-0001), Ahli Jawatankuasa Disiplin (Kakitangan dan Pelajar), Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar, Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Tadbir Urus Baik, Ahli Pasukan Teras Perancangan Strategik dan Ahli Jawatankuasa Integriti Akademik.

Di peringkat kebangsaan, beliau pernah menjadi Ahli Majlis Dekan-Dekan Undang-Undang Malaysia, Majlis Dekan Pasca Siswazah Kebangsaan, Pengerusi Standard Kerangka Kelayakan Malaysia untuk Program Kurikulum Undang-Undang dan Syariah. Beliau ialah Pemeriksa Luar untuk Program Undang-Undang dan Syariah, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau juga seorang Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO).

Pada 1 Julai 2020, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI telah memperkenan pelantikan YBrs. Prof. Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod sebagai Pesuruhjaya EAIC untuk tempoh tiga tahun.

CARTA ORGANISASI

CARTA ORGANISASI



PENCAPAIAN 2020

PENCAPAIAN 2020

PENGENALAN

EAIC ialah sebuah badan bebas yang menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seseorang pegawai penguasa atau sesuatu agensi penguatkuasaan selaras dengan fungsinya yang diperuntukkan di bawah subseksyen 4(1) Akta 700.

STATISTIK

Pada tahun 2020, EAIC telah menerima sebanyak 1008 aduan salah laku terhadap pegawai penguasa daripada orang ramai melalui pelbagai platform.

Jadual 1: Pecahan Aduan Yang Didaftarkan Mengikut Sumber Aduan (Tahun 2018 - 2020)

SUMBER ADUAN	BILANGAN ADUAN		
	2020	2019	2018
e-Aduan	430	347	123
e-mel	295	193	106
Pengadu Hadir (Borang Aduan)	117	192	154
Surat Rasmi	81	140	125
Media Massa	46	44	2
Surat Layang	37	41	34
Lain-Lain	2	5	-
Rujukan Agensi Kerajaan	-	8	7
JUMLAH	1008	970*	551

Nota: Pada tahun 2020, sumber aduan paling banyak diterima dan didaftarkan adalah melalui platform e-Aduan iaitu sebanyak 430 dan diikuti e-mel iaitu sebanyak 295. Penerimaan aduan melalui platform elektronik ini dilihat menjadi pilihan orang ramai kerana kaedah ini lebih mudah diakses serta menjimatkan masa dan kos.

*Aduan yang didaftarkan mengikut sumber aduan pada tahun 2019 adalah sebanyak 970. Bagaimanapun, daripada jumlah tersebut, hanya 721 dibuka fail aduan manakala sebanyak 249 lagi tidak dibuka fail aduan kerana aduan yang dikemukakan hanya salinan kepada EAIC dan juga aduan terhadap agensi penguatkuasaan bukan di bawah Jadual Akta 700.

**Jadual 2: Jumlah Aduan Yang Didaftarkan Mengikut Negeri
(Tahun 2018 - 2020)**

NEGERI	BILANGAN ADUAN		
	2020	2019	2018
Selangor	279	218	159
WP Kuala Lumpur	156	136	111
Johor	78	54	43
Perak	77	48	47
Pulau Pinang	61	49	39
Kedah	52	36	21
Sabah	50	38	28
Negeri Sembilan	40	38	31
Pahang	32	26	17
WP Putrajaya	31	21	30
Melaka	27	23	16
Kelantan	26	19	13
Sarawak	23	9	7
Terengganu	21	12	10
Perlis	5	5	6
WP Labuan	1	-	1
Tiada Maklumat	62	-	-
JUMLAH KESELURUHAN	1021	732	579

Nota: Jumlah keseluruhan aduan yang didaftarkan mengikut negeri adalah berbeza dengan jumlah keseluruhan aduan yang didaftarkan mengikut sumber aduan kerana sesuatu aduan yang didaftarkan mengikut sumber boleh melibatkan agensi dari negeri yang berbeza.

**Jadual 3: Jumlah Aduan Yang Didaftarkan Mengikut Agensi Penguatkuasaan
(Tahun 2018 - 2020)**

AGENSI	BILANGAN ADUAN		
	2020	2019	2018
Polis DiRaja Malaysia (PDRM)	699	742	477
Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)	61	57	38
Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)	37	28	9
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	19	13	3
Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM)	18	16	11
Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)	12	9	11
Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)	11	10	5
Jabatan Tenaga Kerja (JTK)	11	9	6
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)	10	16	9
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	9	4	0
Jabatan Alam Sekitar (JAS)	8	5	2
Jabatan Sukarelawan Rakyat Malaysia (RELA)	7	3	1
Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia (MOTAC)	7	6	0
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)	5	5	1
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	4	1	1
Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	4	0	3
Pendaftar Perniagaan	3	0	0
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN)	2	0	1
Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP)*	2	0	0
Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)	1	0	0
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)	1	0	0
Agensi Di Luar Bidang Kuasa	135	53	1
JUMLAH KESELURUHAN	1066	977	579

Nota: Jumlah keseluruhan aduan yang didaftarkan mengikut agensi penguatkuasaan adalah berbeza dengan jumlah keseluruhan aduan yang didaftarkan mengikut sumber aduan kerana satu aduan yang didaftarkan mengikut sumber boleh melibatkan beberapa agensi penguatkuasaan.

*Oleh sebab aduan yang diterima terhadap LPKP pada tahun 2020 adalah secara umum dan tidak menyatakan LPKP Sabah dan LPKP Sarawak secara jelas, maka agensi ini tidak diasingkan walaupun LPKP Sabah dan LPKP Sarawak adalah dua entiti yang berbeza.

ADUAN

Setiap aduan orang ramai yang diterima dan didaftarkan akan melalui proses penilaian awal. Proses penilaian awal ini akan dijalankan oleh Jawatankuasa Aduan (JKA) yang dianggotai oleh Pengarah Bahagian Operasi, Timbalan Pengarah Bahagian Operasi dan wakil dari Bahagian Dasar atau Bahagian Undang-Undang. JKA ini akan bersidang pada setiap hari dan akan meneliti, menimbang dan mengemukakan syor bagi tindakan sewajarnya ke atas aduan seperti yang berikut:

- (i) siasatan awal dijalankan ke atas aduan bagi mendapatkan maklumat lanjut dalam menentukan jenis salah laku yang diadukan [seksyen 25 Akta 700];
- (ii) aduan dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) agensi penguatkuasaan yang berkaitan [subseksyen 26(1) Akta 700];
- (iii) aduan dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) [subseksyen 26(2) Akta 700];
- (iv) aduan disiasat penuh [subseksyen 26(3) Akta 700]; atau
- (v) aduan tidak diteruskan penyiasatannya [subseksyen 26(4) Akta 700].

JKA boleh mengemukakan lebih daripada satu syor yang perlu diambil ke atas aduan. Syor JKA seterusnya akan dibawa ke Mesyuarat Suruhanjaya (MS) untuk diputuskan:

- (i) aduan dirujuk kepada PBT agensi penguatkuasaan yang berkaitan [subseksyen 27(1) Akta 700];
- (ii) aduan dirujuk kepada SPM [subseksyen 27(2) Akta 700];
- (iii) aduan disiasat penuh [subseksyen 27(4) Akta 700]; dan
- (iv) aduan tidak diteruskan penyiasatan ke atasnya [subseksyen 27(5) Akta 700].

Jadual 4: Keputusan MS (Tahun 2018 - 2020)

KEPUTUSAN MS	BILANGAN KEPUTUSAN MS		
	2020	2019	2018
Siasatan Penuh	35	138	228
Tidak Diteruskan Penyiasatan	44	313	234
Dirujuk kepada PBT	9	54	63
Dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	4	18	12
Dirujuk kepada PBT dan SPM	0	3	9
Dirujuk kepada PBT dan Tidak Diteruskan Penyiasatan	0	6	1
Dirujuk kepada SPM dan Tidak Diteruskan Penyiasatan	0	0	2
Dirujuk kepada SPM dan Siasatan Penuh	0	0	1
JUMLAH KESELURUHAN	92	532	550

Nota: Jumlah keseluruhan aduan yang didaftarkan pada tahun 2020 yang dibentangkan dan diputuskan dalam MS adalah sebanyak 92 aduan. Ketiadaan Pesuruhjaya dari Oktober 2019 hingga Jun 2020 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuat kuasa bermula 18 Mac 2020 menjadi faktor utama menyumbang kepada penurunan jumlah keputusan MS. Sebanyak 35 aduan diputuskan untuk disiasat penuh, 44 aduan diputuskan untuk tidak diteruskan penyiasatan dan 13 aduan lagi telah diputuskan untuk dirujuk kepada PBT dan SPM.

SIASATAN

Perenggan 4(1)(a) Akta 700 menggariskan fungsi EAIC adalah untuk menerima dan menyiasat aduan. Pegawai Siasatan di Bahagian Operasi bertanggungjawab menjalankan siasatan penuh apabila MS memutuskan bahawa suatu aduan mempunyai asas sepetimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 27(4) Akta 700.

Jadual 5: Jumlah Kertas Siasatan Yang Dibuka Terhadap Agensi Penguatkuasaan Di Bawah Seliaan EAIC (Tahun 2018 – 2020)

AGENSI	BILANGAN KERTAS SIASATAN		
	2020	2019	2018
Polis DiRaja Malaysia (PDRM)	70	166	151
Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)	7	1	4
Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)	5	7	6
Agenzi Antidadah Kebangsaan (AADK)	2	2	4
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)	1	2	2
Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM)	-	5	-
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	-	4	-
Jabatan Tenaga Kerja (JTK)	-	2	-
Agenzi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)	-	-	1
Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	-	1	-
Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia (MOTAC)	-	1	-
Jabatan Alam Sekitar (JAS)	-	1	-
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN)	-	-	1
Jabatan Sukarelawan Rakyat Malaysia (RELA)	-	-	-
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	-	-	-
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	-	-	-
Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)	-	-	-
Pihak Berkuasa Penerangan Awam Malaysia (CAAM)	-	-	-
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah*	-	-	-
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak*	-	-	-
Pendaftar Perniagaan	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN	85	195	172

Nota: Terdapat 21 agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC sepetimana termaktub di dalam Jadual Akta 700. Jumlah keseluruhan kertas siasatan yang dibuka pada tahun 2020 adalah sebanyak 85 melibatkan 35 aduan tahun 2020, 46 aduan tahun 2019 dan 2 aduan tahun 2018. Terdapat 2 kertas siasatan pada tahun 2019 dan 2020 dibuka yang melibatkan 2 buah agensi penguatkuasaan iaitu JPJ/PDRM dan JPJ/KPDNHEP, masing-masing.

*Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah dan LPKP Sarawak adalah dua entiti berbeza.

SESI LIBAT URUS EAIC BERSAMA DENGAN AGENSI PENGUATKUASAAN

Sesi libat urus EAIC bersama dengan agensi penguatkuasaan seliaan EAIC adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan kerjasama antara EAIC dan agensi-agensi penguatkuasaan tersebut. Selaras dengan subseksyen 4(1) Akta 700 memperuntukkan fungsi EAIC untuk membuat lawatan ke premis sesuatu agensi penguatkuasaan termasuk melawat balai polis dan lokap mengikut tatacara di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan membuat apa-apa syor yang perlu yang berhubungan dengannya.

Melalui sesi libat urus, EAIC dapat melihat sendiri fasiliti yang terdapat di lapangan dan memantau aspek pengurusan agensi penguatkuasaan. Sesi libat urus yang diadakan secara berkala menunjukkan keseriusan EAIC dalam mempertahankan integriti dalam kalangan pegawai penguat kuasa. Sebanyak 13 sesi libat urus telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020.

Jadual 6: Senarai Sesi Libat Urus Sepanjang Tahun 2020

BIL.	AGENSI	TARIKH
1	Jabatan Alam Sekitar, WP Putrajaya	27 Ogos 2020
2	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Perlis	1-3 September 2020
3	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Kedah	
4	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Pulau Pinang	8 September 2020
5	Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Pulau Langkawi, Kedah	
6	Ibu Pejabat Polis Daerah Ampang Jaya, Selangor	10 September 2020
7	Jabatan Imigresen Malaysia, WP Labuan	14 September 2020
8	Jabatan Pengangkutan Jalan, WP Labuan	
9	Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, WP Labuan	29 September 2020
10	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, WP Putrajaya	
11	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Negeri Sembilan	6 Oktober 2020
12	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Melaka	7 Oktober 2020
13	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Johor	8 Oktober 2020

JABATAN ALAM SEKITAR, WP PUTRAJAYA

Pada 27 Ogos 2020, seramai lima orang pegawai EAIC yang diketuai oleh YBrs. Tuan Abdul Rani bin Megat Kassim, Timbalan Pengarah I Bahagian Operasi telah menghadiri sesi libat urus di Jabatan Alam Sekitar (JAS) WP Putrajaya. Pihak JAS diwakili oleh YBrs. Tuan Haji Shafe'ee bin Yassin, Pengarah Penguatkuasaan JAS bersama dengan tujuh orang pegawai kanan JAS.

Sesi libat urus ini bertujuan mendapatkan penerangan daripada Bahagian Penguatkuasaan JAS WP Putrajaya dan Unit Integriti JAS berkenaan Prosedur Operasi Standard (SOP) penguatkuasaan, aduan dan siasatan yang dijalankan serta mendapatkan penerangan berkenaan isu berbangkit tentang penguatkuasaan JAS di peringkat negeri.

Antara perbincangan yang diadakan termasuklah berkenaan isu kekangan tenaga kerja kerana Bahagian Penguatkuasaan JAS hanya mempunyai seramai 220 pegawai penguat kuasa di seluruh Malaysia untuk mengambil tindakan terhadap semua aduan berkaitan pencemaran. Selain itu, isu yang turut ditimbulkan adalah berkenaan permasalahan yang dihadapi oleh pihak JAS yang mana hanya 20% daripada aduan yang diterima oleh pihak JAS berada di bawah bidang kuasa pihak JAS manakala 80% lagi aduan adalah di bawah bidang kuasa agensi lain.

Sesi libat urus bersama JAS WP Putrajaya telah dapat membantu EAIC untuk lebih memahami fungsi dan pengoperasian Bahagian Penguatkuasaan JAS. Di samping itu, perbincangan dua hala yang dilakukan dapat membantu kedua-dua pihak berkongsi pandangan serta permasalahan yang timbul dalam menjalankan fungsi masing-masing.

Isu yang dibangkitkan oleh Bahagian Penguatkuasaan JAS akan dibawa ke sesi dialog EAIC bersama pengurusan tertinggi JAS bagi mencari jalan penyelesaian terbaik untuk menangani isu dan permasalahan yang dihadapi oleh anggota penguat kuasa yang menjalankan tugas di lapangan. Bagaimanapun, sesi dialog tersebut terpaksa ditangguhkan kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa.

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

Sesi libat urus bersama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) telah diadakan di MOTAC Negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang pada 1 - 3 September 2020 dan MOTAC Negeri Sembilan, Melaka dan Johor pada 6 - 8 Oktober 2020.

Sesi libat urus ini bertujuan mendapatkan gambaran serta cabaran yang dihadapi oleh MOTAC di cawangan negeri dalam memupuk kesedaran Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] dan memberikan penerangan berkenaan Akta 700. Sesi libat urus tersebut diketuai oleh YBrs. Tuan Abdul Rani bin Megat Kassim, Timbalan Pengarah I Bahagian Operasi bersama para pegawai EAIC. Pihak MOTAC telah diwakili oleh Pengarah Negeri dan pegawai penguatkuasaan negeri masing-masing. Sesi libat urus tersebut turut dihadiri oleh wakil daripada Unit Integriti dan Cawangan Penguatkuasaan Ibu Pejabat MOTAC.

Hasil sesi libat urus tersebut, EAIC mendapati wujud beberapa isu berbangkit berkenaan penguatkuasaan seperti kekangan dalam bilangan pegawai dan kakitangan untuk menjalankan fungsi penguatkuasaan. Dalam sesi libat urus tersebut, pihak EAIC turut menjalankan naziran ke atas pihak MOTAC dengan kerjasama Unit Integriti Ibu Pejabat MOTAC.

Sesi libat urus tersebut juga telah membantu EAIC mengenal pasti isu penguatkuasaan dan masalah yang dihadapi oleh MOTAC cawangan negeri selain memberikan pendedahan dan kesedaran kepada warga kerja MOTAC cawangan negeri berkenaan isu integriti.

Isu yang dibangkitkan oleh MOTAC cawangan negeri akan dibawa ke sesi dialog EAIC bersama pengurusan tertinggi MOTAC bagi mencari jalan penyelesaian terbaik dalam menangani isu dan permasalahan yang dihadapi oleh anggota penguat kuasa yang menjalankan tugas di lapangan. Bagaimanapun, sesi dialog tersebut terpaksa ditangguhkan kerana PKP yang berkuat kuasa.

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PULAU LANGKAWI, KEDAH

Pada 8 September 2020, seramai empat orang pegawai EAIC yang diketuai oleh YBrs. Tuan Abdul Rani bin Megat Kassim, Timbalan Pengarah I Bahagian Operasi telah menghadiri sesi libat urus di Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) bertempat di Dermaga Tanjung Lembung, Pulau Langkawi. Pihak JKDM diwakili oleh YBrs. Tuan Maznan bin Harron, Ketua Kastam Daerah Langkawi bersama dengan 10 orang wakil pegawai.

Perbincangan antara delegasi EAIC bersama dengan JKDM Pulau Langkawi menjurus kepada isu kawalan ke atas pergerakan kenderaan yang dibawa masuk dari Pulau Langkawi ke kawasan utama Kastam (Semenanjung Malaysia) di bawah pengecualian Butiran 14 Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2017 [P. U. (A) 445/2017], Butiran 31 Perintah Duti Eksais (Pengecualian) 2017 [P. U. (A) 444/2017] dan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762].

Selain itu, beberapa isu juga dibangkitkan berkaitan permasalahan yang dihadapi oleh JKDM Pulau Langkawi, antaranya berkaitan mesin pengimbas kargo dan laluan pemeriksaan penumpang. Perbincangan dalam sesi libat urus tersebut telah membantu EAIC untuk mengenal pasti isu penguatkuasaan dan masalah yang dihadapi oleh JKDM Pulau Langkawi.

Isu yang dibangkitkan oleh JKDM Pulau Langkawi akan dibawa ke sesi dialog EAIC bersama pengurusan tertinggi JKDM bagi mencari jalan penyelesaian terbaik menangani isu dan permasalahan yang dihadapi oleh anggota penguat kuasa yang menjalankan tugas di lapangan. Bagaimanapun, sesi dialog bersama pengurusan tertinggi JKDM yang telah dijadualkan terpaksa ditangguhkan kerana PKP yang berkuat kuasa.

JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA, WP LABUAN

Lawatan secara terus dan turun padang ini telah diadakan pada 14 September 2020 antara pihak EAIC yang diketuai oleh YBrs. Tuan Husmarudin bin Husin, Pengarah Bahagian Dasar bersama dengan tiga orang pegawai. Pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) diketuai oleh YBrs. Tuan Asani Bin Ladjian, Pengarah JIM WP Labuan. Sesi libat urus ini diadakan bagi melihat dan memahami permasalahan di peringkat lapangan.

Pada perbincangan tersebut, isu berkenaan masalah persempadanan dan perairan di bawah kawasan seliaan JIM WP Labuan telah dibangkitkan. Persempadanan perairan domestik WP Labuan dikawal selia oleh dua pihak berkuasa berkaitan hal ehwal laut iaitu Jabatan Laut Semenanjung Malaysia (JLSM) dan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah yang mewujudkan kawalan sempadan bilateral bagi menjaga sempadan perairan tetapi tiada kawalan pergerakan manusia secara keseluruhan. EAIC mendapati terdapat 'laluan tikus' yang terletak bersebelahan dengan jeti tersebut, yang membolehkan penumpang bebas keluar masuk tanpa melalui pemeriksaan pihak JIM. Pihak JIM WP Labuan tidak dapat mengambil tindakan kerana laluan tersebut berada di luar bidang tugas dan kawasan yang diwartakan untuk tugas pemeriksaan dilaksanakan.

Kekurangan jumlah perjawatan bagi pegawai kawalan yang bertugas di Lapangan Terbang WP Labuan dan Pelabuhan WP Labuan juga turut menyukarkan operasi pemeriksaan domestik yang menyebabkan terdapat keperluan pegawai untuk kerja lebih masa dan kos tuntutan kerja berkenaan. Dalam masa yang sama, pihak JIM turut menghadapi cabaran dalam penguatkuasaan undang-undang di WP Labuan kerana kekurangan bekalan peralatan khas bagi menangani Covid-19 (PPE dan lain-lain yang berkaitan).

Selain itu, pihak JIM juga menghadapi cabaran untuk menempatkan Orang Kena Tahan (OKT) kerana perlu mendapatkan maklumat daripada pihak PDRM berkaitan dengan kapasiti lokap. Hal ini disebabkan pihak JIM WP Labuan tidak mempunyai lokap sendiri untuk menempatkan OKT.

Sesi libat urus bersama pihak JIM WP Labuan telah dapat membantu pihak EAIC untuk lebih memahami fungsi dan pengoperasian JIM WP Labuan yang unik kerana terletak bersempadan dengan Sabah dan Sarawak.

Isu yang dibangkitkan oleh JIM WP Labuan ini akan dibawa ke sesi dialog EAIC bersama pengurusan tertinggi JIM bagi mencari jalan penyelesaian terbaik dalam menangani isu dan permasalahan yang dihadapi oleh anggota penguat kuasa yang menjalankan tugas di lapangan.

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN, WP LABUAN

Selain sesi libat urus EAIC bersama pihak JIM WP Labuan, satu sesi libat urus bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) WP Labuan turut diadakan pada 14 September 2020 yang diketuai oleh YBrs. Tuan Husmarudin bin Husin, Pengarah Bahagian Dasar bersama tiga orang pegawai. Pihak EAIC telah disambut oleh YBrs. Tuan Mohd Rosly Bin Deraman, Timbalan Pengarah JPJ WP Labuan.

Terdapat beberapa isu telah dibangkitkan oleh JPJ WP Labuan antaranya, isu berkenaan kawalan terhadap pembaharuan cukai Lesen Kenderaan Motor (LKM) bagi kenderaan yang dibeli di WP Labuan dan kemudian dibawa keluar ke Sabah, Sarawak atau Semenanjung Malaysia. Melalui satu operasi pemberantasan oleh pihak JPJ yang dinamakan 'Ops Tiris' mendapati banyak kenderaan di Semenanjung Malaysia yang menggunakan cukai LKM yang dikeluarkan di WP Labuan, Sabah dan Sarawak. Ketirisan ini berlaku melalui kiosk pembaharuan cukai LKM yang dibuka oleh ejen pembaharuan cukai LKM antaranya ialah pihak Pos Malaysia. Ketidaaan pengauditan oleh Jabatan Audit Negara menyebabkan ketirisan ini tidak diberi perhatian dan diatasi dengan segera.

Selain itu, pihak JPJ WP Labuan juga membangkitkan hal berkenaan dengan kos sewa rumah di WP Labuan yang mahal dan pihak JPJ tidak menyediakan kuarters bagi kakitangan JPJ WP Labuan. Selain itu, kos sara hidup di WP Labuan juga tinggi kerana barang runcit dan keperluan harian perlu dibawa dari Sabah. Keadaan ini menyebabkan kebijakan para anggota dan kakitangan JPJ WP Labuan tidak dapat dijaga dengan baik.

Sesi libat urus bersama pihak JPJ WP Labuan telah dapat membantu pihak EAIC untuk lebih memahami fungsi dan pengoperasian JPJ di WP Labuan sebagai sebuah pulau bebas cukai.

Isu yang dibangkitkan oleh JPJ WP Labuan akan dibawa ke sesi dialog EAIC bersama pengurusan tertinggi JPJ bagi mencari jalan penyelesaian terbaik menangani isu dan permasalahan yang dihadapi oleh anggota penguat kuasa yang menjalankan tugas di lapangan. Bagaimanapun, sesi dialog bersama pengurusan tertinggi JPJ terpaksa ditangguhkan oleh sebab PKP yang berkuat kuasa.

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA, WP LABUAN

Satu sesi libat urus turut diadakan pada 14 September 2020 bersama dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) zon Sabah yang diketuai oleh YBrs. Tuan Julaiman bin Soimin, Timbalan Pengarah Kastam (Operasi). Pihak EAIC diketuai oleh YBrs. Tuan Husmarudin bin Husin, Pengarah Bahagian Dasar bersama tiga orang pegawai.

Antara isu yang dibincangkan termasuklah masalah kawalan ke atas kenderaan yang dibeli dan didaftarkan di WP Labuan. Pihak EAIC dimaklumkan bahawa satu sistem telah diwujudkan untuk memantau pergerakan kenderaan di bawah peruntukan Butiran 14 (PDK Pengecualian) 2017 iaitu sistem *E-Vehicle* yang dicipta untuk mengawal semua kenderaan bermotor yang belum menjelaskan duti kastam iaitu Duti Import dan Cukai Jualan.

Melalui sistem *E-Vehicle*, penduduk di WP Labuan yang sentiasa keluar masuk ke Sabah dan Sarawak, tidak perlu lagi beratur di kaunter feri kenderaan untuk mengambil kad e-Vis, tetapi hanya perlu memperbaharu jaminan bank atau bon am setiap tahun mengikut syarat yang telah ditetapkan.

Permasalahan lain yang dihadapi oleh JKDM WP Labuan adalah ketiadaan mesin pengimbas kontena yang menimbulkan kesukaran untuk menyemak barang yang dibawa oleh lori kontena di Pelabuhan Merdeka. Selain itu, kedudukan mesin pengimbas barang di Cawangan Pemeriksaan Penumpang (CPP) Terminal Feri Kenderaan juga tidak bersesuaian yang menyebabkan tempoh masa yang lama diambil untuk pemeriksaan barang. Dalam masa yang sama, ketiadaan pintu kawalan kastam juga turut menyukarkan pegawai untuk mengesahkan barang yang diikrar dalam borang import.

Sesi libat urus ini telah membantu EAIC untuk mengenal pasti isu penguatkuasaan dan masalah yang dihadapi oleh pihak JKDM terutamanya di zon Sabah.

Isu yang dibangkitkan oleh JKDM WP Labuan dan juga isu oleh JKDM Pulau Langkawi akan dibawa ke sesi dialog EAIC bersama dengan pengurusan tertinggi JKDM bagi mencari jalan penyelesaian terbaik dalam menangani isu dan permasalahan yang dihadapi oleh anggota penguat kuasa yang menjalankan tugas di lapangan. Bagaimanapun, sesi dialog bersama dengan pengurusan tertinggi JKDM yang telah dijadualkan terpaksa ditangguhkan kerana PKP yang berkuat kuasa.

JABATAN PERUMAHAN NEGARA, KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN, WP PUTRAJAYA

Satu sesi libat urus bersama dengan Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Perumahan Negara (JPN) Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT), WP Putrajaya telah dihadiri oleh lima orang pegawai EAIC diketuai oleh YBrs. Cik Renuka a/p Jeyabalan pada 29 September 2020. Sesi libat urus ini bertujuan menjalankan hubungan kerjasama dengan Bahagian Penguatkuasaan JPN dan mendapatkan penjelasan serta pandangan menyeluruh tentang prosedur aduan dan siasatan yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan JPN dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang terpakai.

Antara isu yang dibangkitkan dalam sesi perbincangan tersebut adalah tanggungjawab dan bidang kuasa Bahagian Penguatkuasaan JPN sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 [Akta 118].

Selain itu, isu mengenai proses mengklasifikasi aduan yang diterima oleh Bahagian Penguatkuasaan JPN yang akan dirujuk kepada pihak pengurusan tertinggi juga telah dibangkitkan. Apabila suatu aduan yang diterima bukan di bawah bidang kuasa JPN, aduan tersebut akan disalurkan ke bahagian lain yang lebih tepat dan proses tersebut akan memakan masa. Dimaklumkan bahawa Bahagian Penguatkuasaan JPN hanya mempunyai kuasa untuk mengemukakan syor sahaja.

Pihak Bahagian Penguatkuasaan JPN juga membangkitkan permasalahan yang dihadapi oleh Bahagian itu yang perlu menerima dan menjadi pusat sehenti (one stop centre) untuk semua aduan yang disalurkan kepada KPKT. Apa-apa permasalahan dan aduan yang berkenaan dengan perumahan, semuanya akan disalurkan kepada JPN walaupun bidang kuasa yang terlibat adalah di bawah bidang kuasa Bahagian lain dalam KPKT mahupun agensi lain.

Sesi libat urus bersama dengan Bahagian Penguatkuasaan ini telah dapat membantu EAIC untuk lebih memahami fungsi dan pengoperasian Bahagian Penguatkuasaan JPN.

Isu yang dibangkitkan oleh JPN akan dibawa ke sesi dialog EAIC bersama dengan pengurusan tertinggi KPKT bagi mencari jalan penyelesaian terbaik dalam menangani isu dan permasalahan yang dihadapi oleh anggota penguat kuasa yang menjalankan tugas di lapangan. Bagaimanapun, sesi dialog bersama pengurusan tertinggi KPKT terpaksa ditangguhkan kerana PKP yang berkuat kuasa.

LAWATAN KERJA EAIC KE LUAR NEGARA

LAWATAN KERJA KE PEJABAT INDEPENDENT OFFICE FOR POLICE CONDUCT (IOPC) DAN THE DIRECTORATE OF PROFESSIONAL STANDARDS (DPS) METROPOLITAN POLICE SERVICE, UNITED KINGDOM

Lawatan kerja ini telah dilaksanakan lanjutan daripada Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Malaysia dalam Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 11 Disember 2019 yang telah memaklumkan dan memberikan pandangan berkenaan dengan isu penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) yang antara lainnya untuk mengkaji dan mencontohi model penubuhan Independent Office for Police Conduct (IOPC) di United Kingdom (UK). Delegasi lawatan kerja ini yang diadakan pada 17 - 21 Februari 2020 itu diketuai oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) (ketika itu) dan turut disertai oleh Pegawai Kanan Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC).

Dalam sesi lawatan ke IOPC, delegasi telah diberi penjelasan berkenaan dengan struktur, governan, kuasa dan fungsi IOPC sebagai sebuah badan pengawasan (*oversight body*). Walaupun IOPC tidak menjalankan fungsi kawalan tata tertib, mekanisme fungsi sedia ada IOPC adalah mantap di samping mendapat kerjasama erat daripada Pasukan Polis.

Hasil lawatan ini, dapat diringkaskan penubuhan, fungsi dan kuasa IOPC seperti yang berikut:

- (a) IOPC menyelia sistem aduan terhadap polis di England and Wales, IOPC menyiasat aduan serius termasuklah kematian susulan kontak dengan polis (*deaths following police contact*) dan menetapkan standard pengendalian aduan polis;
- (b) berdasarkan tadbir urus IOPC yang baharu iaitu akauntabiliti jalur tunggal (*single line of accountability*), fungsi IOPC dan apa-apa keputusan adalah di bawah tanggungjawab sepenuhnya Ketua Pengarah (Director General) yang boleh diwakilkan kuasa kepada para Pegawai Kanan IOPC;
- (c) IOPC tidak menggunakan struktur pengurusan tertinggi yang terdiri dari kalangan Pesuruhjaya;
- (d) majoriti aduan terhadap anggota polis dikendalikan oleh pasukan polis dan hanya aduan serius sahaja yang perlu dirujuk kepada IOPC; dan
- (e) pasukan polis UK mempunyai obligasi statutori untuk merujuk kepada IOPC aduan serius seperti kematian dalam jagaan, kematian ketika operasi polis, kecederaan serius, rasuah, salah laku jenayah dan kesalahan jenayah yang hukumannya adalah penjara melebihi 7 tahun.

Selain itu, delegasi juga membuat lawatan ke pejabat Metropolitan Police Service, London. Berikut adalah dapatan hasil lawatan tersebut:

- (a) Directorate of Professional Standards (DPS) mempunyai peranan dan fungsi yang sama dengan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS), PDRM. Namun, bagi pasukan polis di luar London, badan yang setara dengan DPS dikenali sebagai Professional Standards Departments (PSD);
- (b) DPS menjalankan kerjasama yang baik dengan IOPC dengan mengadakan usaha sama seperti yang berikut:
 - (i) mewujudkan '*single point of contact*' yang berpusat di DPS. DPS bertanggungjawab menyelaraskan semua urusan yang berkaitan dengan aduan yang disiasat oleh IOPC seperti maklumat atau dokumen yang diperlukan IOPC; dan
 - (ii) mengadakan mesyuarat strategik dan kolaborasi untuk membincangkan apa-apa isu yang berbangkit demi kelancaran tugas kedua-dua pihak.
- (c) segala dapatan siasatan salah laku yang dikemukakan oleh IOPC untuk tindakan DPS tidak akan disiasat semula oleh DPS. Dapatan tersebut akan dikemukakan sebagai sebahagian daripada keterangan untuk perlimbangan Lembaga Tatatertib;
- (d) Lembaga Tatatertib yang dipengerusikan oleh *independent legally qualified person* dan dibantu oleh wakil pasukan polis dan seorang penasihat undang-undang bertanggungjawab untuk memutuskan prosiding tatatertib (*misconduct hearing*) bagi salah laku yang bersifat serius (*gross misconduct*). Jenis hukuman yang boleh dikenakan adalah nasihat pengurusan (*management advice*), amaran bertulis (*written warning*), amaran bertulis muktamad (*final written warning*), penyingkiran dengan notis (*dismissal with notice*) dan penyingkiran tanpa notis (*dismissal without notice*);
- (e) bagi kesalahan bersifat tidak serius (*misconduct*), prosiding tatatertib (*misconduct hearing*) akan diputuskan oleh seorang anggota pasukan polis yang berpangkat Ketua Inspektor (*Chief Inspector*). Jenis hukuman yang boleh dikenakan ialah nasihat pengurusan (*management advice*), nasihat bertulis (*written warning*) dan nasihat bertulis muktamad (*final written warning*); dan
- (f) bagi menjamin kebebasan dan ketelusan penjalanan prosiding tatatertib terhadap anggota pasukan polis, Pengurus Pendengaran Tatatertib (*Chairman of Misconduct Hearing*) dilantik oleh Datuk Bandar dalam kalangan orang awam iaitu *independent legally qualified person* dan dibantu oleh seorang wakil pasukan polis dan seorang penasihat undang-undang.

PERUNDANGAN

KAJIAN CADANGAN MEMANTAPKAN PROSES TATATERTIB DALAM PERKHIDMATAN AWAM HASIL DARIPADA LAPORAN SIASATAN EAIC

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjadikan dapatan siasatan EAIC sebagai sebahagian daripada keterangan bagi tujuan tindakan tataterrib. Sepanjang penubuhan EAIC dari tahun 2011, didapati syor hukuman tataterrib yang diputuskan oleh EAIC kebanyakannya tidak diberikan pertimbangan sewajarnya oleh Pihak Berkuasa Tataterrib (PBT) agensi seliaan EAIC. Bermula dari 2011 hingga Mei 2020, EAIC mendapati daripada 182 syor hukuman tataterrib yang telah diputuskan oleh EAIC, hanya 11% sahaja syor telah dipertimbangkan. Jadual 7 menunjukkan pecahan pematuhan syor hukuman tataterrib EAIC oleh PBT agensi.

Jadual 7: Pecahan Pematuhan Syor Hukuman Tataterrib EAIC oleh PBT Agensi

KATEGORI	BILANGAN	PERATUSAN
JUMLAH SYOR TATATERTIB	182	100%
MEMPERTIMBANGKAN SYOR TATATERTIB	20	11%
TIDAK MEMPERTIMBANGKAN SYOR TATATERTIB EAIC		
PBT AGENSI MENGENAKAN HUKUMAN TINDAKAN TATATERTIB YANG BUKAN BERBENTUK HUKUMAN TATATERTIB (NFA DAN SURAT TEGURAN)	60	33%
PBT AGENSI MENGENAKAN HUKUMAN TATATERTIB YANG TIDAK SEPADAN DENGAN SYOR EAIC (CONTOH: MENGENAKAN HUKUMAN YANG LEBIH RENDAH DARIPADA SYOR EAIC)	39	21%
BELUM TERIMA MAKLUM BALAS	63	35%

54%

Sehubungan dengan itu, satu Kertas Pertimbangan Bagi Cadangan Memantapkan Proses Tatatertib Dalam Perkhidmatan Awam Hasil Daripada Laporan Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan EAIC telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) Siri 12 Bil. 2 Tahun 2020 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 25 Jun 2020. JKKMAR bersetuju agar satu Pasukan Kajian ditubuhkan, dianggotai oleh wakil GIACC, SPPRM, EAIC, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Jabatan Peguam Negara (AGC) bagi mengemukakan cadangan penambahbaikan terhadap pemakaian/pematuhan/penerimaan khususnya Laporan Siasatan EAIC oleh agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Julai 2020 kemudiannya bersetuju dengan keputusan Mesyuarat JKKMAR tersebut.

Kajian EAIC bertumpu kepada isu PBT agensi penguatkuasaan yang tidak memberikan pertimbangan sewajarnya kepada dapatan siasatan dan syor hukuman tatatertib dalam Laporan Siasatan EAIC. Dalam menjalankan kajian ini, beberapa kaedah telah diguna pakai seperti yang berikut:

Kaedah Yang Diguna Pakai Semasa Menjalankan Kajian



Hasil kajian yang dijalankan mendapati alasan yang diberikan oleh agensi penguatkuasaan untuk tidak menerima pakai Laporan Siasatan EAIC adalah seperti yang berikut:

- (i) kuasa berhubung dengan kawalan tatatertib adalah budi bicara PBT agensi penguatkuasaan dan Ketua Jabatan sahaja;
- (ii) terdapat keperluan untuk mengesahkan sendiri wujudnya salah laku melalui satu siasatan dalaman oleh pihak PBT agensi penguatkuasaan; dan
- (iii) hukuman yang disyorkan oleh EAIC tidak setara dengan kesalahan yang dilakukan.

Kajian juga turut mendapati majoriti agensi penguatkuasaan yang menerima Laporan Siasatan EAIC telah menjalankan siasatan semula terhadap dapatan siasatan EAIC dan mengambil masa antara 15 hari hingga 3 bulan untuk melengkapkan siasatan tersebut.

Dalam isu berkaitan pertimbangan terhadap syor hukuman tatatertib EAIC pula, kaji selidik mendapati keputusan PBT agensi penguatkuasaan tidak memberikan pertimbangan yang sewajarnya terhadap syor hukuman tatatertib EAIC kerana EAIC dikatakan tidak mengambil kira beberapa kriteria dalam membuat syor hukuman tatatertib seperti berikut:

- (i) kesalahan pegawai tersebut turut memburukkan atau mencemarkan nama Perkhidmatan Awam dan Jabatan;
- (ii) kekerapan kesalahan yang dilakukan pegawai; dan
- (iii) kesan kesalahan ke atas kakitangan lain.

Dalam kajian Perbandingan dengan badan pemantau luar negara pula mendapati IOPC di UK mempunyai kuasa untuk mengarahkan pihak polis mematuhi syornya termasuklah kewajipan untuk memulakan prosiding tatatertib. Selain itu, Pegawai IOPC turut dibenarkan menghadiri prosiding tatatertib dan membentangkan dapatan siasatan untuk pertimbangan Lembaga Tatatertib. Bagaimanapun, kajian juga turut mendapati Independent Police Conduct Authority (IPCA), New Zealand dan Australian Commission for Law Enforcement Integrity (ACLEI), Australia tidak diperuntukkan dengan kuasa sebagaimana IOPC.

Jadual 8: Jadual Perbandingan Antara Tiga Agensi Luar Negara Yang Setara EAIC

	Ciri	IOPC	ACLEI	IPCA
1.	Siasatan dijadikan keterangan dalam prosiding tatatertib	IOPC dibenarkan membentangkan dapatan siasatan untuk pertimbangan Lembaga Tatatertib	X	X
2.	Tempoh masa diperuntukkan kepada agensi untuk memberi maklum balas	28 hari selepas IOPC mengemukakan syor	Maklum balas diberikan dalam tempoh waktu yang ditetapkan oleh ACLEI	Secepat mungkin yang munasabah dilakukan (as soon as reasonably practicable)

Berdasarkan dapatan hasil kajian yang telah dijalankan, EAIC telah mencadangkan agar Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] dan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] dipinda yang menghendaki PBT agensi penguatkuasaan menerima pakai Laporan Siasatan EAIC menurut perenggan 30(1)(b) Akta 700 dan menjadikannya sebahagian daripada keterangan bagi tujuan tindakan tatatertib.

Hasil kajian ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) Siri 13 Bil. 3 Tahun 2020 pada 19 November 2020. Mesyuarat tersebut bersetuju agar cadangan ini dibincangkan lebih lanjut dengan Ketua Setiausaha Negara (KSN) untuk memastikan setiap cadangan diperhalusi bagi membolehkan Laporan SPRM dan EAIC dijadikan keterangan dalam prosiding tatatertib.

Selanjutnya, satu perbincangan antara KSN, AGC, JPA, SPRM dan EAIC telah diadakan pada 24 Februari 2021. Dalam perbincangan tersebut, KSN telah mengarahkan agar perbincangan lanjut dibuat dengan pihak AGC berkenaan cadangan penambahbaikan atau pindaan bagi membolehkan Laporan Siasatan EAIC dijadikan sebahagian daripada keterangan bagi tujuan tindakan tatatertib. Sesi perbincangan ini masih lagi diadakan hingga kini.

PINDAAN TERHADAP PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENERIMAAN ADUAN BAHAGIAN OPERASI

Dalam memastikan mutu perkhidmatan kepada orang ramai sentiasa berada di tahap cemerlang, EAIC telah mengambil langkah untuk mengkaji semula tatacara kerja Bahagian Operasi terutamanya berkaitan penerimaan, pengurusan aduan dan penjalanan siasatan bagi memastikan setiap aduan yang diterima dan disiasat diselesaikan dalam tempoh yang lebih singkat dan memuaskan hati semua pihak.

Mesyuarat Suruhanjaya Bil.4 Tahun 2020 telah bersetuju agar SOP Penerimaan Aduan dan Penyiasatan Bahagian Operasi sedia ada dinilai semula bagi memastikan pengurusan aduan dan siasatan lebih efektif. Sehubungan dengan itu, beberapa perkara telah dipinda dan ditambah baik dalam SOP baharu ini seperti yang berikut:

- (i) proses penerimaan aduan hanya mengambil masa 1 hari berbanding sebelum ini yang mengambil masa 3 hari;
- (ii) laporan ringkas aduan akan disediakan pada hari yang sama aduan diterima berbanding sebelum ini yang mengambil masa 14 hari selepas penerimaan aduan;
- (iii) Jawatankuasa Aduan (JKA) akan membuat penilaian dan pengesyoran aduan sebagaimana dalam subseksyen 16(2) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] dalam masa 24 jam selepas aduan diterima;
- (iv) siasatan awal akan diselesaikan dalam tempoh 5 hingga 10 hari bekerja;
- (v) siasatan penuh akan diselesaikan dalam masa 1 hingga 6 bulan bergantung pada kerumitan kes dan perjalanan prosiding inkues sekiranya ada; dan
- (vi) pemakluman kepada Pengadu akan dibuat dalam tempoh 24 jam keputusan dibuat.

Melalui penambahbaikan dan SOP baharu ini, pengurusan aduan dan siasatan menjadi lebih efisien dan dapat meningkatkan tahap perkhidmatan EAIC.

PROMOSI DAN PUBLISITI

KEMPEN ‘MULAKAN DENGAN INTEGRITI’

Seiring dengan visi EAIC selaku peneraju transformasi dan pembudayaan integriti dalam kalangan agensi penguatkuasaan, kempen Mulakan Dengan Integriti telah dilancarkan pada tahun ini bagi memupuk kesedaran dan amalan terbaik kepada kalangan agensi penguatkuasaan seliaan dan juga masyarakat umum. Beberapa program dan aktiviti kesedaran telah dijalankan dalam usaha mempromosikan kempen tersebut –

- (a) **Program Celik Integriti Bersama Pusat Koreksional Puncak Alam, Jabatan Penjara Malaysia**

Dalam usaha memupuk kesedaran dan amalan terbaik nilai-nilai integriti kepada masyarakat, EAIC turut mendekati pelajar-pelajar di Sekolah Integriti, Pusat Koreksional Puncak Alam pada 28 Februari 2020. Pendekatan tersebut dilakukan melalui program kemasyarakatan yang dianjurkan dengan kerjasama Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dan Jabatan Penjara Malaysia.



Bersama YBhg. Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam Program Kemasyarakatan di Pusat Koreksional Puncak Alam

(b) Pertandingan Fotografi Penguat Kuasa & Masyarakat

EAIC telah melancarkan pertandingan fotografi yang bertemakan Penguat Kuasa & Masyarakat: #mulakandenganintegriti pada 4 Disember 2020. Pertandingan tersebut adalah inisiatif EAIC untuk memupuk kesedaran masyarakat dan anggota penguat kuasa berhubung dengan integriti serta keyakinan masyarakat terhadap mutu perkhidmatan agensi penguatkuasaan di negara ini.



Karya foto pertandingan tersebut akan memaparkan amalan terbaik penguat kuasa yang membawa pengertian nilai khidmat dan tanggungjawab yang berintegriti dari perspektif masyarakat

Sebanyak 317 karya foto telah diterima daripada 125 peserta. Proses saringan telah dilakukan ke atas karya-karya tersebut bagi mengenal pasti karya yang mematuhi dan menepati terma dan syarat pertandingan. Daripada saringan tersebut, 173 karya telah diserahkan kepada juri khas untuk disenarai pendek sebagai pemenang utama dan saguhati. Seterusnya, 22 foto dipilih untuk dibentangkan di peringkat akhir penjurian.

Tiga pemenang utama yang telah dipilih dan dipersetujui oleh juri adalah seperti yang berikut:



Tempat Pertama
Encik Munson bin Lasmat
(Sabah)

Tema : Agihan bantuan keperluan harian kepada komuniti maritim yang terjejas semasa Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dijayakan dengan kerjasama pelbagai agensi, jabatan penguatkuasa dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Tema : APMM Ringankan Beban Rakyat (COVID-19) prihatin dengan nasib penduduk yang terjejas akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Sabah, warga APMM mengambil inisiatif untuk membantu meringankan beban penduduk dengan menyumbangkan bakul makanan di Pulau Gaya. Program khidmat masyarakat ini adalah untuk membantu mengurangkan beban rakyat di kawasan ini khususnya di Pulau Gaya dalam usaha kita menangani Covid-19.



Tempat Kedua
Encik Irwan bin Majid
(Sabah)



Tempat Ketiga
Encik Khairul Ikmal Khairuddin
(Negeri Sembilan)

Tema : Anggota polis sedang membantu seorang wanita bersama anaknya menukar tayar yang pancit.

PENDIDIKAN

(a) Silibus Buku Teks

EAIC turut bekerjasama dengan (KPM) melalui sumbangan isi kandungan bagi Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 5 cetakan tahun 2021. Isi kandungan yang disumbangkan adalah berkaitan dengan kesedaran umum tentang matlamat dan peranan EAIC sebagai badan pengawasan integriti agensi penguatkuasaan.

Di bawah merupakan saran media dalam portal rasmi Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatuksaan (EAIC).



1. Pada pendapat anda, sejauh manakah suruhanjaya ini mampu meningkatkan integriti organisasi?
2. Bagaimanakah anda berperan untuk menyokong maklumat EAIC?
3. Dapatkan maklumat tentang pencapaian suruhanjaya ini melalui sumber lain.

Poster dan maklumat tentang EAIC

dalam Buku Teks Pendidikan
Moral Tingkatan 5 terbitan
Kementerian Pendidikan Malaysia

(b) Pendidikan Masyarakat



Dalam memupuk kesedaran dan mendidik masyarakat berkenaan dengan kepentingan integriti, EAIC telah menyediakan infografik yang ringkas dan menarik untuk dimuat naik di platform media sosial. Berikut adalah sorotan bahan hebahan pendidikan masyarakat berkenaan dengan kempen ‘Mulakan Dengan Integriti’ yang telah dilancarkan pada tahun ini:

(i) Klip Animasi




Cara-cara membuat aduan yang dimuat naik ke media sosial EAIC

(ii) Hebahan infografik



Petikan ucapan Pengerusi EAIC melalui media sosial EAIC



Amalan norma baharu semasa menghadapi wabak COVID-19 melalui media sosial EAIC

EAIC DAN MEDIA MASSA

Dalam memastikan fungsi dan peranan EAIC dikenal pasti, liputan meluas oleh media massa sangat penting. Melalui liputan dalam media massa, berita mengenai EAIC dapat dicapai oleh rangkaian pengguna yang lebih besar dan meliputi pelbagai peringkat masyarakat. Berikut adalah antara paparan berita mengenai EAIC yang mendapat liputan media massa pada tahun 2020:

(a) Kenyataan Media EAIC

Pada 16 Oktober 2020, YBhg. Tan Sri Sidek Hassan (Pengerusi EAIC) telah mengeluarkan kenyataan media berkaitan kehilangan suspek utama kes ‘Macau Scam’.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8880 5650 / No. Faks: 03-8880 5646
LAMAN WEB: www.eaic.gov.my



PENGARANG, MEJA BERITA **SIARAN SEGERA**

KENYATAAN MEDIA

KENYATAAN EAIC MENGENAI KEHILANGAN SUSPEK UTAMA KES ‘MACAU SCAM’.

1. EAIC memandang serius kes suspek melarikan diri dan punca yang menyebabkan ia boleh berlaku.

2. EAIC sedang mengambil tindakan sewajarnya, bersesuaian dengan peruntukan di bawah Akta 700.


3. EAIC telah membuka kertas siasatan dan menjalankan siasatan awal di bawah Seksyen 28 Akta 700.

4. EAIC akan memaklumkan tindakan selanjutnya yang diambil, seperti yang termaktub di bawah Akta 700.

-TAMAT-

TAN SRI MOHD SIDEK HAJI HASSAN
Pengerusi
Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatuasaan (EAIC)
16 Oktober 2020

EAIC telah mendapat liputan media yang meluas selepas kenyataan media tersebut dikeluarkan berkenaan tindakan siasatan yang akan diambil oleh EAIC mengenai kejadian kehilangan suspek utama kes 'Macau Scam'.



Buletin Utama TV3



Harian Metro



EAIC siasat kes suspek Macau Scam lolos dari SPRM

Portal Malaysiakini



Suspect's escape under probe

The Star

EAIC siasat kes suspek Macau Scam
Harakah Daily

Sinar Harian



MalayMail



New Straits Time

PENCAPAIAN 2020

Pada 3 November 2020, EAIC sekali lagi mengeluarkan kenyataan media memaklumkan hasil siasatan yang dijalankan mengenai kejadian kehilangan suspek utama kes 'Macau Scam'.



The template is a formal document with a header containing the EAIC logo, address, and website. It includes sections for 'PENGARANG, MEJA BERITA' and 'UNTUK SIARAN SEGERA'. The main title is 'KENYATAAN MEDIA'. Below it is a bold statement: 'DAPATAN SIASATAN DAN KEPUTUSAN SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN BERKENAAN DENGAN KEJADIAN GOH LEONG YEONG @ ALVIN GOH MELOLOSOKAN DIRI PADA 11 OKTOBER 2020 (AHAD)'. The text body discusses the completion of the investigation into Goh Leong Yeong's self-release. It also mentions the submission of the findings to the Attorney General under section 30(1)(c) of the Anti-Corruption Commission Act 2009. At the bottom, the signature of Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan is provided.

Antara pihak media yang membuat liputan adalah-



The screenshot shows the Berita Harian Online homepage. The top navigation bar includes links for 'BERITA', 'SIRIAN', 'DUNIA', 'EDITION', 'BISNES', 'RENCANA', 'WANEA', 'HARIAN MINGGU', 'BUKAPSII', 'COVID-19 VAKSIN', 'NATIONAL', 'LCS', 'POLITIK', 'PENDIDIKAN', and 'WILAYAH'. A banner at the bottom states: 'EAIC serah Peguam Negara hasil siasatan kes lompat pagar SPRM'.

Berita Harian



The screenshot shows the Harian Metro online homepage. The top navigation bar includes links for 'UTAMA', 'MUTAKHR', 'GLOBAL', 'ARINA', 'RADARPETRA', 'BISNES', 'AZBIN', 'WM', 'VIBRON', 'SUKRI', 'INFOBAR', and 'TOP5'. A banner at the bottom states: 'Lolos dari bangunan SPRM, EAIC selesa siasat Alvin'.

Harian Metro

(b) Program Temubual Secara Langsung

Selain kenyataan media, EAIC turut mendapat liputan media melalui jemputan ke program temubual secara langsung. YBhg. Tan Sri Sidek Hassan, Pengurus EAIC telah dijemput menjadi tetamu bagi program temubual Bicara Naratif di TV1 pada 9 Oktober 2020. Program Bicara Naratif yang dihoskan oleh Tuan Sayed Munawar Sayed Mohd Mustar dengan tajuk 'EAIC : Transformasi dan Pembudayaan Integriti' telah membincangkan berkenaan fungsi dan peranan EAIC sebagai badan pengawasan integriti agensi penguatkuasaan. Program temubual tersebut yang berlangsung selama 1 jam itu turut membincangkan perancangan serta aspirasi EAIC dalam membudayakan integriti.



Video temubual tersebut boleh dilayari melalui laman youtube EAIC di
<https://www.youtube.com/watch?v=3358tgD0C8Q&t=1780s>

(c) Program Temubual Bersama Akhbar

EAIC turut mendapat liputan media melalui temubual yang disiarkan dalam akhbar. Bagi tahun 2020, YBhg. Tan Sri Sidek Hassan, Pengerusi EAIC telah ditemubual oleh wakil daripada akhbar Utusan Malaysia dan Sinar Harian.

(i) Temubual Bersama Akhbar Utusan Malaysia

Sesi temubual YBhg. Tan Sri Sidek Hassan, Pengerusi EAIC telah diadakan bersama dengan akhbar Utusan Malaysia dan diterbitkan dalam ruangan Rencana pada 16 Oktober 2020. Beliau menekankan bahawa tindakan siasatan proaktif terhadap aduan yang diterima oleh EAIC dan penyelesaian aduan yang cepat akan meningkatkan kredibiliti EAIC dan secara tidak langsung akan meningkatkan kepercayaan orang awam kepada agensi penguatkuasaan, serta Kerajaan dan Negara. Berikut adalah petikan akhbar dari ruangan Rencana, Utusan Malaysia bertajuk ‘Aduan rasuah satu hadiah’ bertarikh 16 Oktober 2020.



‘Aduan rasuah satu hadiah’

MUKADIMAH

SEBUT sajaya pengurusan integriti dan isu rasuah di negara ini, umum tahu betapa garangnya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Namun, masih ramai yang tidak tahu fungsi dan peranan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) yang ditubuhkan sejak 2011.

Bercakap kepada wartawan *Utusan Malaysia*, MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI dan jurugambar FAISOL MUSTAFA, Pengerusi EAIC, TAN SRI MOHD. SIDEK HASSAN yang baru menerenggang tampak suruhanjaya ini berkomit pandangan tentang isu integriti di negara ini.

CABARAN EAIC

Rasional perniagaan dan dapat berpasang dengan baik walaupun EAIC tidak besar. Kita ditubuhkan pada 1 April 2011. Jumlah kakitangan kita sekitar 67 orang, tidak termasuk saya. Pada masa ini, kami perlu jaga 21 agensi dan agensi Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bahagian Pendakwaan Negara (JPN) dan Jabatan Imigresen. Kalau saya jadi pengadu, anda termasuk saya dalam tindakan di sini. Sebagai orang awam, mereka perlu faham, hakikatnya kita ada banyak kekangan dan kes yang lebih sedang dengan peruntukan RM100 juta setahun.

RASUAH PENJAWAT AWAM?

Bercakap pasal rasuah, memang banyak dan tidak mungkin ada perbincangan mencapai kesimpulan tidak rasuah. Pada saya, (perasaan) ia satu benda yang sihat. Kita mengakui rasuah itu ada. Memang tidak mungkin ada yang yang mengaku tidak rasuah atau salah guna kuasa. Negara pun ada. Begitu juga Malaysia. SPM pun ada hasil kerja mereka. Apabila seseorang, sama ada ia berleluasa atau tidak berleluasa dalam hal itu, jika mahu berleluasa, mungkin dia sanggat puas mengenai itu rasuah pada masa lalu. Zaman nabi pernah ada nakal-nakalan. Boleh merasuk juga tidak mahu malukan dirinya. Sekarang dengan peranan media arus perdana ditambah media sosial, masyarakat hari ini yang mengatakan Agensi penguatkuasaan pulak berani ketengahkan kes berprofil

tinggi. Saya sendiri pernah buat perkara yang hamper sebabkan kita berhadapan dengan kakitangan sebuah bank. Lalu mohonlah sebuah kakitangan yang melanggar etika. Kita tidak boleh bicarakan dari perspektif apakah ia salah tingkah atau tidak.

Saya masih ingat lagi seputu jadi Pengesoh Petronas, saya merupakan prinsip *zero tolerance* kepada hampir 53,000 kakitangan. Bagaimananya, adakah ia ada yang buat sesuatu melanggar integriti. Apabila dapat tahu, terus kita singkirkan dan kita akan menghalang mereka. Kita tidak soroekkan perkara itu, konominya ia tidak pernah

terjadi. Apa yang saya lihat, inilah pendekatan sama untuk permasalahan rasuah. Kita ambil permasalahan secara sistemik, orang yang bersalah akan dihukum dengan adil serta saksama. Saya tak mahu. Boleh buat apa pun dengan awam. Katakalan adalah 1,6 orang, adakah sememua bersih?

Saya sent pasti akan ada yang buat. Pihak-pihak yang buat sesuatu melanggar integriti, ia dibentangkan, berapakan peraturan, pagar makan pad. Pada hemat saya, lebih banyak yang baris daripada tidak buk.

TIADA TARING?

Saya tidak berseroni EAIC. Itulah sebagai agensi yang tidak menyimpan taring. Di bawah Akta 700, kita diberikan peruntukan

fungsional dan kuasa yang memberikan EAIC ‘tarung’ yang sepadan. Akhirnya tetapi, saya percaya fungsi dan kuasa yang diperlukan tidak dipraktikkan atau dilaksanakan sepenuhnya. Jadi, saya atas Pengerusi dan seluruh warga kerja EAIC akan melaksanakan semua fungsi dan kuasa yang diberikan. Dalam Akta 700, pada itu, saya masih ingat, baru-baru ini ada peristiwa. Antara itu yang terkenal ialah masuk *excessive leniency and maintaining integrity* dan antara tetamu jemputan adalah ketua Audit Negara, Dato' Mohd Nordin bin Abdul Majid. Saya berharap kepada beliau, ketua yang baik adalah individu yang tidak nampak dengan pandangan mata kasar tetapi boleh mewujudkan perubahan. Kebanggaan itu akan kehadiran ketua itu. Begitu juga dengan EAIC. Tidak setuju pun tak mengata. Maka setiap hari, minat seorang yang berada di bawah EAIC bersama-sama bekerja.

Baru-baru ini, saya ada berbincang dengan Presuruhaya SPM, Datuk Seri Azam Bakri. Saya calap, kejayaan SPM bukan berapa ramai peserta ditakrifkan serta mudahnya buat suatu tugas. Sebaliknya, kejayaan SPM terbukti apabila tiada lagi keperluan untuk inti dan bukan. Kalau orang tidak rasuah, kenapa perlu dibuat? Kalau orang tidak berleluasa, kenapa perlu agensi penguatkuasaan? Kalau cabaran yang tidak boleh dikompromosi. Kalau kita buat tugas dengan baik, kita buat suatu yang berjaya. Ke banyak dan kita perlu tetapkan sasaran. Perlu diingat, rasuah juga bukan isu b�caru.

Apabila ada SPM, sudah ada Badan Pencegah Rasuah (BPR). Ketika saya di universiti iaitu pada 1981, pernah ada seseorang bercakap berkewenang integriti dalam subjek tertentu. Selain itu, ada juga subjek tentang peraturan dan norma. Apa yang penting sekaran, kita perlu buat kerja kita. Adakah anda kita buat kerja yang salah? Maaf, dia juga bercakap mengenai kita? SPM banyak kes. Begitu juga EAIC. Saya tidak rasa kita buat juga semestinya agensi ini berjaya. Boleh berjaya bersama dengan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS).

TIDAK perlu subjek khusus yang mengajar soal integriti, sebaliknya lebih wajar elemen itu diterapkan dalam semua mata pelajaran yang diajar di sekolah. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN


(ii) Temubual Bersama Akhbar Sinar Harian

Sesi temubual YBhg. Tan Sri Sidek Hassan, Pengerusi EAIC telah diadakan dengan akhbar Sinar Harian dan diterbitkan dalam ruangan Wawancara Sinar Ahad pada 27 Disember 2020. Dalam sesi temubual tersebut, YBhg. Tan Sri Sidek Hassan, Pengerusi EAIC menekankan bahawa pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang sedia ada untuk mencegah salah laku penjawat awam perlu dipertingkatkan dan hukuman yang setimpal perlu dikenakan bagi menangani isu-isu ketirisan integriti tanpa perlu diwujudkan undang-undang baharu. Berikut adalah petikan akhbar dari ruangan Wawancara, Sinar Ahad bertajuk ‘Undang-undang cukup, tapi kita tak berani laksana’ bertarikh 27 Disember 2020.



EAIC DAN MEDIA SOSIAL

EAIC turut memantau perkembangan isu yang dilaporkan di media sosial terutamanya tentang tatacara penguatkuasaan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan pergerakan (PKP) oleh anggota penguat kuasa. Antara isu yang dibangkitkan ialah ‘hukuman jalanan’ oleh segelintir anggota penguat kuasa terhadap orang awam yang didapati gagal mematuhi SOP PKP seperti yang berikut:



Hasil pemantauan tersebut, aduan yang berkaitan dengan bidang kuasa Akta 700 telah ditangani oleh EAIC dengan sewajarnya.

EAIC juga telah mengambil pendekatan proaktif dalam mengukuhkan komunikasi strategik bersama kumpulan sasarannya iaitu dengan mengadakan sesi up close and personal bersama pentadbir akaun media sosial. Sesi engagement sedemikian didapati berkesan untuk memberikan kesedaran dan pencerahan kepada kumpulan sasaran berpengaruh (influencer group) tentang matlamat dan fungsi EAIC yang boleh dimanfaatkan oleh orang awam.

Artikel yang diterbitkan dalam Portal AskLegal



Ciapan yang dibuat oleh Tweetfamous @InjangNation untuk menggalakkan masyarakat untuk tampil bersuara di media sosial berkenaan aduan salah laku pegawai penguat kuasa

Webinar ‘*Complaint Is A Gift, Integrity: Cultivating and Transforming*’ anjuran Institut Kepimpinan Strategik Tun Ghazali Shafie (TGSISL) Kolej Universiti Yayasan Pahang

Seiring dengan perkembangan platform teknologi semasa pandemik Covid-19, EAIC telah memenuhi undangan webinar yang bertajuk ‘*Complaint is a Gift , Integrity : Cultivating and Transforming*’ anjuran Institut Kepimpinan Strategik Tun Ghazali Shafie (TGSISL), Kolej Universiti Yayasan Pahang pada 4 Disember 2020.

Webinar yang disampaikan oleh Pengurus EAIC telah menyentuh tentang betapa pentingnya sikap keterbukaan sesebuah organisasi untuk menerima aduan dan kritikan serta tahap responsif yang sewajarnya diambil oleh organisasi dalam memperbaiki kelemahan yang ada.

Beliau turut menegaskan pembudayaan integriti dalam perkhidmatan bukan sahaja akan membuang segala tembok yang membatasi pemikiran seseorang individu, tetapi juga mendorong seseorang untuk memberikan yang terbaik melebihi kepentingan individu itu sendiri.



Webinar Complaint is a Gift, Integrity: Cultivating and Transforming telah mendapat sambutan daripada 300 peserta dari seluruh negara

LAWATAN DAN KUNJUNGAN

Menjadi aspirasi EAIC mengadakan hubungan baik dan bekerjasama bukan sahaja dengan agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC, malah turut membina hubungan kerjasama pintar bersama rakan strategik. Oleh yang demikian, beberapa sesi lawatan dan kunjungan telah diadakan pada tahun 2020.

Majlis Menghadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah



27 Ogos 2020 - Pesuruhjaya EAIC bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah

Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-pertuan Agong XVI, berkenan menerima menghadap Pengurus EAIC, YBhg. Tan Sri Sidek Hassan, Timbalan Pengurus, YBhg. Tan Sri Datuk Zainun Ali dan Pesuruhjaya, YBhg. Dato' John Louis O'hara dan YBrs. Prof Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod.

Kunjungan Pengerusi EAIC, YBhg. Tan Sri Sidek Hassan ke Pejabat Ketua Pesuruhjaya SPRM



9 September 2020 – Perjumpaan Pengerusi EAIC bersama
YBhg. Datuk Seri Azam Baki

Kunjungan ini bertujuan meningkatkan hubungan kolaborasi antara dua agensi serta membincangkan beberapa isu integriti dan isu semasa yang melibatkan agensi penguatkuasaan.

Kunjungan oleh YBhg. Tun Dato' Sri Zaki Tun Azmi ke EAIC



23 September 2020 - Perjumpaan Pesuruhjaya EAIC bersama
YBhg. Tun Dato' Sri Zaki Tun Azmi

Dalam perjumpaan tersebut, Pesuruhjaya EAIC dan YBhg. Tun Dato' Sri Zaki Tun Azmi telah berkongsi pelbagai pandangan mengenai isu semasa berhubung dengan pentadbiran awam serta langkah menangani permasalahan integriti terutama berkaitan dengan agensi penguatkuasaan.

Kunjungan Pesuruhjaya EAIC ke Pejabat YAB Perdana Menteri



23 November 2020 - Perjumpaan Pesuruhjaya EAIC bersama
YAB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Md. Yasin

Pelbagai isu telah dibincangkan dalam perjumpaan tersebut antaranya berkenaan hala tuju EAIC, cabaran EAIC dan hasil dapatan 'Kajian bagi Cadangan Memantapkan Proses Tatatertib Dalam Perkhidmatan Awam Hasil Daripada Laporan EAIC dan Laporan SPRM' melalui Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR).

**Kunjungan Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam
(CUEPACS), Tuan Adnan Mat dan Ahli Jawatankuasa ke EAIC**



25 November 2020 - Perjumpaan Pengurus EAIC bersama Presiden Kongres Kesatuan
Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan Ahli Jawatankuasa

Perjumpaan tersebut diadakan bagi membincangkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) pada (19 November 2020) untuk mempertimbangkan Laporan Siasatan SPRM (LSSPRM) dan Laporan Siasatan EAIC (LSEAIC) sebagai keterangan dalam prosiding tatatertib.

Perjumpaan Pengurusan Tertinggi EAIC, PDRM, SPRM dan GIACC



27 November 2020 – Perjumpaan Pengurusan Tertinggi dihadiri oleh Pengerusi EAIC, YBhg. Tan Sri Sidek Hassan, Ketua Polis Negara, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Abdul Hamid Bador, Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Datuk Seri Azam Baki dan Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah (GIACC), YBhg. Tan Sri Abu Kassim Mohamed

Perjumpaan pengurusan tertinggi agensi tersebut bertujuan membincangkan beberapa isu integriti dan isu semasa melibatkan agensi penguatkuasaan, di samping meningkatkan kerjasama dan keberkesanan antara agensi.

**Kunjungan Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM),
YBhg. Dato' Indera Khairul Dzaimee Daud ke EAIC**



16 Disember 2020 - Perjumpaan Pesuruhjaya Bersama Ketua Pengarah JIM

Antara yang dibincangkan semasa perjumpaan tersebut ialah isu semasa serta jalinan kerjasama antara EAIC dan JIM sebagai ‘rakan kongsi’ dalam menjayakan agenda penguahan integriti negara.

TADBIR URUS KORPORAT

Sejajar dengan Revolusi Perindustrian 4.0, EAIC peka dengan perubahan persekitaran yang dinamik dan berdaya saing di peringkat global. Perubahan lanskap yang berlaku seiring dengan perkembangan teknologi baharu memerlukan EAIC mengadaptasi perubahan di samping memperkuuh pengurusan organisasi secara holistik. Ke arah mencapai matlamat tersebut, peningkatan kompetensi dan keupayaan pegawai diberikan keutamaan agar dapat merealisasikan hasrat EAIC untuk menjadi agensi unggul pada masa hadapan.

Mengambil kira perubahan persekitaran yang mengalami perubahan pantas dan mendadak, EAIC telah merangka dan melaksanakan pelbagai program yang komprehensif dalam usaha mengekalkan kelestarian organisasi bagi memenuhi kehendak dan keperluan semasa. Berteraskan Pelan Strategik EAIC 2017 - 2022, pelbagai strategi telah dirangka bagi memastikan kecekapan EAIC dari sudut perancangan sumber manusia yang cekap dan efisien, pemantapan pentadbiran, tadbir urus kewangan yang baik serta pembudayaan teknologi maklumat dalam organisasi.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Pengurusan sumber manusia yang cekap dan efisien menjadi nadi sesebuah organisasi. Melalui perancangan dan pengurusan yang teratur, modal insan yang berkualiti dapat dihasilkan seterusnya menyumbang kepada peningkatan prestasi dan produktiviti. Selari dengan perancangan tersebut, EAIC telah mengoptimumkan penggunaan tenaga kerja dalam memastikan pengoperasian berjalan dengan lancar.

PERANCANGAN TENAGA KERJA (PERJAWATAN)

Surat Kelulusan Perjawatan Bil.A3 Tahun 2019 telah memperuntukkan sejumlah 78 perjawatan kepada EAIC. Sebanyak 71 jawatan telah diisi manakala terdapat 7 kekosongan jawatan tidak diisi berikutan masih berada dalam peringkat pengurusan peminjaman pegawai antara agensi awam.

Jadual 9: Kedudukan Perjawatan Pada 31 Disember 2020

Kumpulan Perkhidmatan	Bilangan	Isi	Kekosongan
Pengurusan Tertinggi	1	1	0
Pengurusan & Profesional	38	35	3
Pelaksana	39	35	4
JUMLAH KESELURUHAN	78	71	7

PENGAMBILAN SECARA PEMPROFILAN

EAIC melaksanakan pengambilan pegawai secara pemprofilan bagi tujuan pengisian jawatan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P). Bagi tujuan pengambilan Pegawai Siasatan, pelaksanaan *Profession Assessment Center* (PAC) telah diadakan bagi menilai calon yang telah dikenal pasti di peringkat awal. Program PAC telah diadakan di Institut Kemajuan Desa (INFRA) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Semua calon yang berjaya melepassi program PAC dipanggil untuk menghadiri temu duga yang diadakan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan.

PELAKSANAAN PUSINGAN KERJA

Di samping pengambilan pegawai baharu, Pegawai EAIC sedia ada turut terlibat dengan pelaksanaan Putaran Pusingan Kerja (Job Rotation) sebagai langkah untuk memberi pendedahan bidang tugas baharu selaras dengan konsep Berbilang Tugas (*Multi Tasking*) dan Berbilang Kemahiran (*Multi Skilling*). Langkah ini juga bertujuan memperkaya pengetahuan, meningkatkan kebolehan serta memberikan pengalaman kepada pegawai selaras dengan konsep dan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2004. Pada masa yang sama, Pegawai EAIC juga terlibat dengan pelaksanaan pemangkuan kenaikan pangkat bagi tujuan pembangunan kerjaya ke peringkat lebih tinggi.

PELANTIKAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

Urusan pelantikan Pekerja Sambilan Harian (PSH) dibuat berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2011 bagi membantu EAIC dalam merealisasikan beberapa projek yang dilaksanakan secara *ad hoc* dalam suatu tempoh masa yang ditetapkan. Fokus utama pengambilan PSH ini bertujuan membantu EAIC dalam menyelaraskan data statistik dan juga membangunkan sistem dalaman bagi mempertingkat tadbir urus operasi. Pada tahun 2020, seramai tiga orang PSH telah dilantik selaras dengan peraturan yang terkandung dalam Pekeling Perkhidmatan yang berkuat kuasa.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Dari perspektif Pembangunan Sumber Manusia, EAIC telah merancang dan melaksana pelbagai program latihan yang komprehensif dan holistik bagi mempertingkat kompetensi dan kecekapan pegawai dalam menghadapi cabaran Kemeruapan (*Volatility*), Ketakpastian (*Uncertainty*), Kerumitan (*Complexity*) dan Kekaburan (*Ambiguity*) dalam persekitaran global pada ketika ini. Berdasarkan kepada keperluan ini, antara aktiviti yang diberikan penekanan khusus antaranya –

- (i) pelaksanaan dan pemantauan pelan latihan EAIC yang merangkumi keterlibatan warga EAIC dalam mengikuti kursus sekurang-kurangnya 7 hari, berdasarkan keperluan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 2005; dan
- (ii) pelaksanaan kursus bersifat generik (umum) dan spesifik (fungisional) berdasarkan keperluan pegawai bagi meningkatkan lagi kemahiran, pengetahuan dan kefahaman warga EAIC.

PENCAPAIAN 2020

Antara kursus yang telah dihadiri oleh Pegawai EAIC sepanjang tahun 2020 adalah seperti yang berikut:

Bil	Kursus	Tarikh	Anjuran
1	Bengkel Menggubal Peraturan-Peraturan Dan SOP Di Bawah RUU IPCMC (SIRI 1)	2/1/2020 - 3/1/2020	EAIC
2	Kursus Teknik Temubual Pengadu, Saksi Dan Pegawai Yang Diadu (PYDA)	14/1/2020 - 16/1/2020	EAIC
3	Bengkel Menggubal Peraturan-Peraturan Dan SOP Di Bawah RUU IPCMC (SIRI 2)	22/1/2020 - 24/1/2020	EAIC
4	Bengkel Modul Pembangunan Individu Berintegriti (PIOB)	4/2/2020 - 6/2/2020	IIM
5	Kursus Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Penulisan Minit Mesyuarat Berdasarkan Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 2018	11/2/2020 - 12/2/2020	INSPIM
6	Seminar Pelan Tindakan Nasional Mengenai Perniagaan Dan Hak Asasi Manusia	19/2/2020	BHEUU
7	Bengkel Kerangka Strategi Terhadap Outcome & KPI Outcome Based Budgeting (OBB)	27/2/2020 - 29/2/2020	JPM
8	Bengkel Penulisan Pelaporan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) Jabatan Perdana Menteri Dan Agensi Tahun 2020	28/2/2020 - 1/3/2020	JPM
9	Kursus Asas Siasatan Siri 2	2/3/2020 - 5/3/2020	EAIC
10	Kursus Pemantapan Kertas Jemaah Menteri	6/3/2020 - 8/3/2020	GIACC
11	Forum Bersama Directorate of Professional Standards, Metropolitan Police Service	12/3/2020	EAIC
12	Cyber Security Virtual Forum	15/6/2020	MKN
13	Bengkel Bersama Komuniti Sumber Terbuka - OSDEC	1/7/2020 - 2/7/2020	MAMPU
14	Kursus Perakaunan Akruan (Asas)	25/8/2020 - 27/8/2020	Institut Perakaunan Negara
15	Persidangan Pemantapan Kepimpinan Dan Integriti Bersama Ketua Audit Negara	5/9/2020	Jabatan Audit Negara
16	Bengkel Pemurnian RUU Ombudsman	11/9/2020 - 13/9/2020	GIACC
17	Kursus Munsyi Bahasa	21/9/2020	INTAN
18	Kursus Pengukuhan Pendaftar Rahsia	25/9/2020	EAIC
19	Refresher Course: Pengurusan Dan Pengendalian Rahsia Rasmil Kerajaan	25/9/2020	EAIC
20	Bengkel Pematuhan Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA)	29/9/2020	JPM
21	Kursus Pelan Anti Rasuah Nasional	2/10/2020	EAIC
22	Taklimat Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 : Matlamat Dan Hala Tuju	6/10/2020	EAIC
23	Kursus Kewangan Peribadi	28/10/2020	EPSA
24	Fundamental Principle of Financial Auditing	5/11/2020	EPSA

Bil	Kursus	Tarikh	Anjuran
25	Kursus Pengauditan Umum	6/11/2020	EPSA
26	Kursus Nilai Etika	6/11/2020	EPSA
27	Kursus Asas Penyuntingan Terjemahan	7/11/2020 - 8/11/2020	Persatuan Penterjemah Malaysia
28	Kursus Pengurusan Kewangan Peribadi	8/11/2020	EPSA
29	Kursus Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti	8/11/2020	EPSA
30	Persidangan Psikologi Perkhidmatan Awam	9/11/2020	JPA
31	Sesi Libat Urus Strategi Keselamatan Siber Negara 2020-2024	11/11/2020	MKN
32	Kursus Pengauditan Perolehan	17/12/2020	Akademi Audit Negara
33	Kursus Pengauditan Pengurusan Projek Pembinaan	18/12/2020	Akademi Audit Negara

Nota: Terdapat kursus yang telah dirancang terpaksa ditangguhkan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

PENTADBIRAN

Cabaran yang dihadapi pada tahun 2020 memerlukan penajaran baharu dari sudut pengurusan pentadbiran pejabat. Isu semasa terutamanya berkaitan penularan wabak Covid-19, telah memberikan satu dimensi yang lebih luas kepada persekitaran kerja dalam menghadapi suasana norma baharu. Berdasarkan keperluan ini, EAIC turut melaksanakan beberapa pembaharuan dan mengadaptasi langkah yang disarankan oleh pihak berwajib selaras dengan dasar dan peraturan semasa yang ditetapkan oleh Kerajaan.

PELAKSANAAN BEKERJA DARI RUMAH (BDR)

Dasar Bekerja Dari Rumah (BDR) menjadi dasar yang turut diguna pakai oleh EAIC dalam menyediakan ruang lingkup persekitaran kerja yang lebih selamat dan kondusif kepada warga kerja EAIC. Pelaksanaan ini juga berdasarkan pemakaian Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2020 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

PELAKSANAAN SANITASI RUANG PEJABAT

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh EAIC dalam menghadapi dan menangani Covid-19. Antara usaha yang dijalankan adalah melalui pelaksanaan sanitasi di ruang pejabat EAIC agar warga kerja EAIC dapat melaksanakan tugas dengan selamat dan kondusif.

PENGURUSAN DAN PEMBUDAYAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (ICT)

Perubahan dunia ke arah era revolusi digital menuntut warga EAIC untuk menguasai, memahami dan memanfaatkan penggunaan ICT. Penggunaan teknologi maklumat bukan sahaja meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi, malah dapat memberi impak besar kepada EAIC.

Justeru, bagi mengurangkan kebertanggungan sepenuhnya terhadap tenaga kerja sedia ada, EAIC telah mengambil langkah yang wajar dalam memberikan perkhidmatan terbaik melalui penggunaan medium dan aplikasi secara maya.

Selain itu, pembudayaan ICT juga meningkatkan penjimatan kos kepada organisasi. Sehubungan itu, EAIC telah mengambil langkah yang perlu dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pemegang taruh melalui aplikasi serta penggunaan medium secara maya.


PEMBANGUNAN SISTEM PENYELESAIAN ADUAN DAN PENGENDALIAN SIASATAN

Sistem Penyelesaian Aduan dan Pengendalian Siasatan (SPAPS) ialah sistem yang dibangunkan untuk membantu Bahagian Operasi dalam menjalankan pengurusan aduan dan siasatan secara atas talian. Sistem ini akan menjalani fasa penambahan dan kini dalam proses untuk dimuktamadkan berdasarkan SOP Pengurusan Aduan dan Siasatan yang ditambah baik.

PEMBANGUNAN SISTEM SAGA

Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA) adalah satu sistem kewangan yang berintegrasi secara atas talian yang dibangunkan secara rasmi oleh EAIC pada 1 Oktober 2020. Pembangunan Sistem SAGA ini didasarkan pada keperluan dan pematuhan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 3 Tahun 2018 agar penyata kewangan dapat disediakan dengan lebih cepat, tepat, kemas kini, berintegriti, mematuhi piawaian perakaunan yang diterima pakai dan memantapkan pengurusan perakaunan dan kewangan Agensi Kerajaan.

Pengoperasian sistem kewangan EAIC melalui SAGA memberikan lonjakan baharu kepada pengurusan kewangan dalam meningkatkan lagi kapasiti sedia ada berteraskan tadbir urus kewangan yang baik.




PERKHIDMATAN MyGovUC

Seiring dengan era transformasi ICT secara berterusan, EAIC turut menggunakan perkhidmatan MyGovUC, iaitu satu perkhidmatan bersepadu yang diuruskan secara berpusat di MAMPU. Perkhidmatan ini menggabungkan saluran komunikasi seperti e-mel, persidangan video dan audio, mesej segera (*instant messaging*) serta Sistem Pengurusan Identiti.

Selain itu, perkhidmatan ini turut menyediakan kemudahan perkongsian maklumat melalui Portal Kolaboratif dan Portal Maklumat Awam. Kemudahan ini disediakan melalui Portal MyGovUC dalam menyalurkan informasi dan hebahan berkenaan dengan perkhidmatan e-mel kepada warga EAIC, sebagai bentuk Pengurusan Perubahan (Change Management), bagi penggunaan MyGovUC secara konsisten. Antaranya, melalui aktiviti Pembudayaan MyGovUC (MyGovUC Acculturation) dan hebahan e-newsletters bagi sebarang aktiviti dan program yang dianjurkan.

DASAR KESELAMATAN ICT DAN PERKONGSIAN TIPS & TRICKS ICT

Perkongsian dan hebahan maklumat ICT dilakukan pada setiap bulan bagi memberikan pendedahan dan kesedaran tentang pelbagai aspek teknologi maklumat dan komunikasi seperti Dasar Keselamatan ICT dan *Tips & Tricks* berbentuk pengoperasian ICT. Selain itu, hebahan infografik turut dilakukan terhadap penggunaan perkhidmatan komunikasi bersepadu MyGovUC sebagai salah satu bentuk saluran hebahan penggunaan e-mel serta perkhidmatan komunikasi bersepadu ICT sektor awam.



PENYATA KEWANGAN

PENYATA KEWANGAN

Selaras dengan peruntukan Seksyen 46 Akta 700, Kerajaan perlu memperuntukkan dana mencukupi secara tahunan bagi membolehkan EAIC menunaikan fungsinya secara berkesan.

Bagi tahun 2020, had perbelanjaan EAIC berjumlah **RM 6,944,100.00** telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan (MOF) di bawah belanja mengurus. Peruntukan mengurus tahun 2020 adalah sama dengan peruntukan mengurus tahun 2019. Peruntukan yang disalurkan ini bertujuan menampung perbelanjaan mengurus EAIC.

Perbelanjaan sebenar bagi tahun 2020 menurun sebanyak 12% berbanding tahun 2019 (**2020: RM5,748,893.00; 2019: RM6,562,053.00**). Prestasi perbelanjaan EAIC pada tahun 2020 menunjukkan penurunan ketara berikutan penularan wabak Covid-19 yang turut membawa implikasi kepada pengoperasian EAIC. Terdapat pelbagai tugas dan program rasmi serta aktiviti EAIC yang telah dirancang tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2020. Perbelanjaan mengurus pada tahun 2020 hanya menfokuskan kepada komitmen perbelanjaan berdasarkan keperluan semasa, kontrak yang telah dimeterai dan perbelanjaan yang amat diperlukan bagi memastikan perjalanan operasi tidak terjejas sebagaimana yang telah termaktub dalam Akta 700.

Peruntukan belanja mengurus 2020 disalurkan bagi setiap suku tahun adalah seperti yang berikut:

Jadual 10: Peruntukan Geran Yang Diterima Tahun 2020

BIL	TEMPOH PENYALURAN PERUNTUKAN	TARIKH TERIMA PERUNTUKAN	JUMLAH (RM)
1	Suku Tahun Pertama (Januari-Mac)	08.01.2020	1,736,025.00
2	Suku Tahun Kedua (April-Jun)	13.04.2020	1,736,025.00
3	Suku Tahun Ketiga (Julai-September)	23.10.2020	1,736,025.00
4	Suku Tahun Keempat (Okttober-Disember)	23.10.2020	1,736,025.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)			6,944,100.00

Selain geran Kerajaan sebanyak RM6,944,100.00, EAIC turut memperoleh RM12,730.00 daripada sumber pendapatan lain yang merangkumi faedah daripada akaun semasa dan bayaran balik pelbagai.

PENYATA KEWANGAN

Perbelanjaan EAIC bagi tahun 2020 secara keseluruhannya adalah seperti yang berikut:

Jadual 11: Perbelanjaan Tahun 2020

PERBELANJAAN	JUMLAH	PERATUS PERBELANJAAN
	RM	
Emolumen	4,365,568.00	76
Perkhidmatan dan Bekalan	1,099,770.00	19
Aset	37,779.00	0.7
Kerja Dalam Kemajuan	190,800.00	3.3
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	4,750.00	0.1
Perbelanjaan Lain	50,226.00	0.9
JUMLAH KESELURUHAN	5,748,893.00	100.00

Perbelanjaan keseluruhan pada tahun 2020 berjumlah RM5,748,893.00 yang meliputi emolumen pegawai dan kakitangan, elauan tetap Pengurus dan Pesuruhjaya, tuntutan perjalanan, utiliti, bekalan dan perkhidmatan, aset dan perbelanjaan lain.

Perbelanjaan emolumen bagi tahun 2020 berjumlah RM4,365,568.00, penurunan sebanyak 5% berbanding tahun sebelumnya (2019: RM4,588,607.00). Penurunan ini disebabkan terdapat kekosongan jawatan yang masih belum diisi sepenuhnya sehingga 31 Disember 2020.

Perbelanjaan tuntutan perjalanan pegawai dan kakitangan EAIC bagi tahun 2020 berjumlah RM79,450.00, menurun 22% berbanding tahun sebelumnya (2019: RM101,287.00). Perbelanjaan perkhidmatan penginapan dan kemudahan juga turut menurun secara drastik iaitu sebanyak 69% (2020: RM27,065.00; 2019: RM86,727.00). Penurunan ini disebabkan oleh Pegawai Siasatan, Bahagian Operasi tidak dapat menjalankan siasatan di luar daerah berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mula berkuatkuasa pada 18 Mac 2020.

Perbelanjaan alat tulis dan percetakan turut mencatat penurunan, iaitu sebanyak 41% (2020: RM63,989.00; 2019: RM107,959.00).

Elaun Pesuruhjaya menunjukkan penurunan sebanyak 61% (2020: RM246,277.00; 2019: RM636,408.00). Penurunan ini disebabkan oleh pelantikan Pesuruhjaya seramai 4 orang iaitu Pengurus, Timbalan Pengurus dan 2 orang Pesuruhjaya hanya berkuat kuasa pada 1 Julai 2020 dan 3 orang Pesuruhjaya yang lain berkuat kuasa pada 1 November 2020.

Perbelanjaan am bagi tahun 2020 meningkat sebanyak 7.5% berbanding tahun sebelumnya (2020: RM257,621.00; 2019: RM239,624.00). Perbelanjaan ini meliputi perbelanjaan bagi rawatan perubatan pegawai dan kakitangan EAIC, insuran kemalangan, bayaran perkhidmatan profesional dan bayaran pekerja sambilan harian.


Bayaran anggaran cukai pendapatan bagi tahun taksiran 2020 berjumlah RM10,920.00. Bayaran sebanyak RM12,255.00 telah dibayar pada tahun kewangan 2020 dan sejumlah RM1,335.00 adalah bayaran cukai pendapatan bagi tahun taksiran 2019 yang terkurang bayar.

Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan EAIC pada tahun 2020 adalah 83% daripada jumlah peruntukan yang telah disalurkan. Segala perbelanjaan dibuat secara berhemah dan fokus utama perbelanjaan ialah perbelanjaan yang komited dan berdasarkan keperluan semasa.

Berdasarkan Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Kewangan 31 Disember 2020, dengan jumlah pendapatan sebanyak RM6,956,830.00 dan perbelanjaan RM5,557,606.00 serta cukai pendapatan RM12,255.00 yang telah dibayar pada tahun 2020, EAIC memperoleh lebihan sebanyak RM1,386,969.00 berbanding tahun sebelumnya (2019: RM432,279.00).

Kedudukan kewangan pada tahun 2020 berada di landasan yang baik berdasarkan nisbah kewangan semasa (64:1). EAIC mempunyai aset cair yang mencukupi untuk mengendalikan pengoperasiannya serta mampu membayar obligasi kewangan sedia ada.

PERBELANJAAN 2020




ANALISA PRESTASI KEWANGAN EAIC 2015 HINGGA 2020

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER	2020	2019	2018	2017	2016
	RM	RM	RM	RM	RM
PENDAPATAN					
Geran Kerajaan	6,944,100	6,944,100	8,024,700	7,078,700	5,747,849
PENDAPATAN LAIN					
Faedah Diterima	11,387	77,418	52,041	65,754	57,063
Pendapatan kendalian yang lain	1,343	6,146	1,289	7,693	18,074
JUMLAH PENDAPATAN	6,956,830	7,027,664	8,078,630	7,152,147	5,822,986
BELANJA OPERASI					
Kos Kakitangan	4,402,515	4,656,668	4,494,562	4,732,863	3,721,533
Pentadbiran dan Pengurusan	1,104,404	1,719,843	2,156,877	2,715,423	2,811,195
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	49,547	138,632	289,565	386,366	379,686
Kos Kewangan	1,140	1,266	1,230	1,318	1,683
JUMLAH PERBELANJAAN	5,557,606	6,516,409	6,942,234	7,835,970	6,914,097
CUKAI	12,255	78,971	33,310	-	-
LEBIHAN/ KURANGAN (TAHUN SEMASA)	1,386,969	432,284	1,103,086	(683,823)	(1,091,111)

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2020	2020	2019	2018	2017	2016
	RM	RM	RM	RM	RM
ASET					
Hartanah, Loji dan Peralatan	90,313	108,560	237,292	509,167	797,849
Kerja Dalam Kemajuan	286,200	95,400	-	-	-
ASET SEMASA	5,809,947	4,546,328	4,078,791	2,734,371	3,029,535
Pembayaran Terdahulu	8,500	8,500	107,966	8,500	8,500
Tunai dan Baki Bank	1,801,447	4,537,828	970,825	725,871	1,021,035
Simpanan Tetap	4,000,000	-	3,000,000	2,000,000	2,000,000
LIABILITI SEMASA	91,077	46,623	47,073	131,914	31,937
Pelbagai pembiutang dan akruan	91,077	46,623	47,073	131,914	31,937
LIABILITI BUKAN SEMASA	61,425	56,676	54,300	-	-
Peruntukan Manfaat Pekerja	61,425	56,676	54,300	-	-
ASET SEMASA BERSIH	5,657,445	4,443,029	3,977,418	2,602,457	2,997,598
DIBIAYAI OLEH:	6,033,958	4,646,989	4,214,710	3,111,624	3,795,447
Lebihan Terkumpul	6,033,958	4,646,989	4,214,740	3,111,624	3,795,447
	6,033,958	4,646,989	4,214,740	3,111,624	3,795,447

NISBAH KEWANGAN	2020	2019	2018	2017	2016
(a) Nisbah Semasa	63.79	97.51	86.65	20.73	94.86
(b) Nisbah Tunai	63.70	97.33	84.35	20.66	94.59
(c) Nisbah Operasi	0.80	0.94	0.86	1.10	1.19
(d) Pusing Ganti Aset Tetap	77.03	64.74	34.05	14.05	7.30
(e) Pusing Ganti Aset	1.18	1.51	1.87	2.21	1.52


PERBELANJAAN



GERAN KERAJAAN



ASET TETAP



LEBIHAN/KURANGAN



PENGUKUHAN DAN TRANSFORMASI

PENGUKUHAN DAN TRANSFORMASI

AGENDA 2020

MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN Pengerusi DAN BARISAN PESURUHJAYA

Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Pengerusi dan Barisan Pesuruhjaya EAIC telah berlangsung pada 19 Ogos 2020 bagi mengumumkan secara rasmi pelantikan barisan Pesuruhjaya baharu EAIC yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2020 setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Hajji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Pada majlis tersebut, watikah pelantikan telah disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), YBhg. Datuk Seri Takiyuddin Hassan, kepada empat orang Pesuruhjaya iaitu YBhg. Tan Sri Sidek Hassan (Pengerusi), YBhg. Tan Sri Datuk Zainun Ali (Timbalan Pengerusi), YBhg. Dato' John Louis O'hara (Pesuruhjaya) dan YBrs. Prof. Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod (Pesuruhjaya).



Majlis telah disempurnakan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang)

Pada 1 November 2020, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI kemudian telah memperkenankan pelantikan tiga lagi anggota Pesuruhjaya iaitu YBhg. Tan Sri Mahmood Adam (Pesuruhjaya), YBhg. Tan Sri Dato' Wira Aziah Ali (Pesuruhjaya) dan YBhg. Dato' Alizatul Khair Osman Khairuddin (Pesuruhjaya).

MESYUARAT SURUHANJAYA

Subseksyen 9 (1) Akta 700 memperuntukkan EAIC hendaklah mengadakan Mesyuarat Suruhanjaya seberapa kerap yang perlu untuk melaksanakan fungsinya. Bagaimanapun, ketiadaan barisan Pesuruhjaya sejak Oktober 2019, Mesyuarat Suruhanjaya tidak dapat dilaksanakan. Keadaan ini menyebabkan aduan yang diterima berkaitan salah laku pegawai penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan tidak dapat diputuskan dan kes menjadi tertunggak.

Bermula pada Julai 2020, setelah pelantikan barisan Pesuruhjaya baharu EAIC, Mesyuarat Suruhanjaya telah diadakan semula sebanyak 7 kali pada tahun 2020.

Jadual 12: Mesyuarat Suruhanjaya Tahun 2020

Bil.	Bulan	Tarikh
1/2020	Julai	24 Julai 2020
2/2020	Ogos	26 Ogos 2020
3/2020	September	23 September 2020
4/2020	Oktober	21 Oktober 2020
5/2020	November	25 November 2020
6/2020	Disember	16 Disember 2020
7/2020	Disember	23 Disember 2020

SIASATAN EAIC KE ATAS KEJADIAN SUSPEK MACAU SCAM BERNAMA GOH LEONG YEONG @ ALVIN GOH YANG MELOLOSKAN DIRI PADA 11 OKTOBER 2020 (AHAD) MELALUI PAGAR BELAKANG BANGUNAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM), PUTRAJAYA

Pada 15 Oktober 2020, EAIC telah memulakan siasatan berkenaan dengan kejadian suspek bernama Goh Leong Yeong @ Alvin Goh (Alvin Goh) yang ditahan oleh SPRM bersangkut dengan siasatan kes di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613]. Setelah SPRM selesai menjalankan siasatan, Alvin Goh telah dibebaskan sebelum ditahan semula oleh PDRM. Dalam tempoh pembebasan tersebut, Alvin Goh telah meloloskan diri daripada bangunan SPRM sebelum sempat ditahan oleh PDRM untuk kesalahan di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953 [Akta 289].

EAIC telah membuka kertas siasatan di bawah seksyen 28 Akta 700 bagi menyiasat kejadian tersebut. Pegawai Siasatan EAIC telah menjalankan siasatan dengan mengambil tindakan berikut:

- (a) melawat tempat kejadian;
- (b) mendapatkan keterangan daripada saksi kejadian iaitu Pegawai SPRM dan Pegawai PDRM yang terlibat; dan
- (c) mendapatkan keterangan sokongan daripada pihak ketiga.

Pada 30 Oktober 2020, hasil dapatan siasatan dibentangkan dalam Mesyuarat Khas Suruhanjaya Bil. 1/2020 dan telah diputuskan supaya hasil dapatan siasatan Pegawai Siasatan EAIC dirujuk kepada Pendakwa Raya selaras dengan peruntukan di bawah perenggan 30(1)(c) Akta 700.

Selain itu, syor penambahbaikan turut dikemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri serta Kementerian Dalam Negeri bagi mewujudkan satu SOP berkaitan dengan penyerahan suspek daripada satu agensi penguatkuasaan kepada agensi penguatkuasaan yang lain.



Sesi perbincangan antara pihak SPRM dan Pegawai Siasatan EAIC pada 21 Oktober 2020

PERANCANGAN 2021

Bagi tahun 2021, dalam mengukuhkan pelaksanaan Akta 700, selain menjalankan fungsi menerima aduan salah laku, EAIC berazam untuk turut memberikan tumpuan kepada fungsi lain yang diperuntukkan. Oleh yang demikian, EAIC merancang beberapa inisiatif tersebut.

SESI LIBAT URUS BERSAMA AGENSI PENGUATKUASAAN

EAIC akan memperkuuh hubungan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan. Peningkatan hubungan kerjasama antara EAIC dan agensi penguatkuasaan akan lebih memudahkan dan mempercepatkan proses penyelesaian aduan yang diterima. Selain itu, hubungan kerjasama ini akan meningkatkan kesefahaman mengenai fungsi dan bidang tugas masing-masing.

JAWATANKUASA PENCEGAHAN KEMATIAN DALAM TAHANAN

EAIC merangka satu Jawatankuasa Pencegahan Kematian Dalam Tahanan bagi mengumpul maklumat berkaitan trend kematian dalam lokap yang berpunca daripada bunuh diri. Jawatankuasa ini akan mengkaji dan mengesyorkan penambahaikan dari segi perundangan serta polisi berkaitan pengurusan lokap dan logistik.

JAWATANKUASA ISU PENCEMARAN SUNGAI YANG MENYEBABKAN GANGGUAN AIR TIDAK BERJADUAL DI MALAYSIA (JABATAN ALAM SEKITAR)

Satu jawatankuasa telah ditubuhkan oleh EAIC bagi mengkaji punca serta langkah yang sesuai diambil bagi mengatasi isu pencemaran sungai yang telah menyebabkan kekerapan berlakunya gangguan air tidak berjadual di Malaysia. Jawatankuasa ini akan bekerjasama dan berkolaborasi dengan agensi di bawah seliaan EAIC dan juga mana-mana agensi berkaitan bagi mencapai matlamat tersebut.

JAWATANKUASA ISU PENYELUDUPAN ROKOK (JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA)

EAIC telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji isu berkenaan dengan penyeludupan rokok tidak sah yang memberikan kesan kepada ekonomi negara dan seterusnya mencari punca serta jawapan kepada isu tersebut. Jawatankuasa ini akan bekerjasama dengan JKDM bagi menambahbaik kualiti penguatkuasaan pihak berwajib dalam menangani isu penyeludupan rokok tidak sah dalam negara.

PEMFOKUSAN TERHADAP KES BERMERIT

EAIC akan memfokus kepada kes yang mempunyai merit untuk suatu penyiasatan penuh dijalankan. Aduan yang remeh akan dinilai dan diselesaikan pada peringkat penyiasatan awal.

JAWATANKUASA TREND HUKUMAN

Penubuhan jawatankuasa untuk menjalankan kajian dalaman berkaitan Trend Hukuman Tatatertib yang diputuskan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) Agensi-Agenzi Seliaan. Ini adalah inisiatif EAIC untuk membuat perbandingan antara hukuman yang telah diputuskan oleh PBT dengan syor hukuman yang dibuat oleh EAIC.

MENYELESAIKAN FAIL ADUAN DAN SIASATAN YANG TERTUNGGAK

EAIC akan menyelesaikan aduan tertunggak dengan mengadakan Mesyuarat Suruhanjaya sebanyak 3 kali sebulan; 2 kali secara fizikal dan sekali secara maya. Dalam masa yang sama, edaran Kertas Resolusi turut dihantar kepada semua Pesuruhjaya melalui e-mel pada setiap hari.

PENINGKATAN KUALITI SIASATAN – PERKONGSIAN KEPAKARAN

EAIC merancang untuk mengadakan kerjasama dengan pihak PDRM dan beberapa agensi berkepentingan untuk meningkatkan kualiti siasatan Pegawai Siasatan EAIC melalui perkongsian maklumat dan kepakaran antaranya, latihan dan kursus berkenaan dengan teknik penyiasatan yang lebih berkesan.

MEMANTAPKAN PROSES TATATERTIB DALAM PERKHIDMATAN AWAM HASIL DARIPADA LAPORAN SIASATAN SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC) DAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)

Memperhalusi cadangan penambahbaikan terhadap pemakaian/pematuhan/penerimaan Laporan Siasatan EAIC oleh agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC untuk dijadikan sebahagian daripada keterangan dalam prosiding tatatertib sebagaimana yang diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) pada 19 November 2020.

PEMBANGUNAN SISTEM PENYELESAIAN ADUAN DAN PENGENDALIAN SIASATAN

Sistem Penyelesaian Aduan dan Pengendalian Siasatan (SPAPS) ini sedang dibangunkan bagi memudahkan proses pengurusan aduan dan siasatan secara atas talian. Proses penambahbaikan sedang dilaksanakan bagi sistem ini dan dijangka dapat digunakan pada tahun 2021.

SOROTAN

2020

SOROTAN 2020



27 Ogos 2020 - Majlis Menghadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah



9 Januari 2020 - Perhimpunan Bulanan EAIC Bil.1 Tahun 2020 anjuran Bahagian Undang-undang dan Bahagian Dasar



29 Januari 2020 – Kunjungan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standards (JIPS), IPK Selangor ke EAIC yang diketuai oleh Ketua JIPS Selangor, ACP Mohd Ismail Muslim



10 Februari 2020 - EAIC menerima lawatan daripada pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS)



18 Februari 2020 - Kunjungan Bahagian Pelesenan Pelancongan, Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya Malaysia (MOTAC) ke EAIC yang diketuai oleh Setiausaha Bahagian Pelesenan Pelancongan MOTAC, Puan Nor Haslynda Wan Rahim



26 Februari 2020 - Program Kemasyarakatan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan menyantuni anak-anak di Pusat Koreksional, Puncak Alam Selangor



12 Mac 2020 – Sesi Perkongsian bersama Directorate of Professional Standards
London Metropolitan Police



12 Mac 2020 - EAIC menganjurkan Majlis Sambutan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang



13 Mac 2020 - Lawatan kerja Pusat Koreksional Puncak Alam, Jabatan Penjara Malaysia ke EAIC diketuai oleh Pengarah Pusat Koreksional Puncak Alam, PKP Amer Shariffudin Mat Noor



9 Ogos 2020 - Kunjungan Pengerusi EAIC, YBhg. Tan Sri Sidek Hassan ke Pejabat Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), YBhg. Datuk Seri Azam Baki



14 Ogos 2020 - Perjumpaan Pengerusi EAIC, YBhg. Tan Sri Sidek Hassan dan Timbalan Pengerusi EAIC, YBhg. Tan Sri Datuk Zainun Ali bersama Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah (GIACC), Tan Sri Abu Kassim Mohamed dan Pengurusan Tertinggi GIACC



23 September 2020 - Perjumpaan Pesuruhjaya EAIC bersama YBhg. Tun Dato' Sri Zaki Tun Azmi



2 Oktober 2020 - Kunjungan Pengurus EAIC, YBhg. Tan Sri Sidek Hassan ke Pejabat Peguam Negara, YBhg. Tan Sri Idrus Harun



23 November 2020 - Perjumpaan Pesuruhjaya EAIC bersama Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Md. Yasin



25 November 2020 - Perjumpaan Pengerusi EAIC, YBhg. Tan Sri Sidek Hassan bersama Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Tuan Adnan Mat dan Ahli Jawatankuasa



27 November 2020 – Pengerusi EAIC, YBhg. Tan Sri Sidek Hassan menandatangani buku pelawat diiringi oleh Ketua Polis Negara, YDH Tan Sri Dato' Seri Abdul Hamid Bador pada perjumpaan Pengurusan Tertinggi EAIC, PDRM, SPRM dan GIACC di Bukit Aman



16 Disember 2020 – Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), YBhg. Dato' Indera Khairul Dzaimee Daud menandatangani buku pelawat diringi oleh Pengerusi EAIC, YBhg. Tan Sri Sidek Hassan pada perjumpaan Pesuruhjaya EAIC bersama Ketua Pengarah JIM di EAIC

KENYATAAN MEDIA



**KENYATAAN MEDIA
PEJABAT PERDANA MENTERI**

**PELANTIKAN PENGERUSI DAN ANGGOTA PESURUHJAYA
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**

Adalah dimaklumkan bahawa selaras dengan subseksyen 5 (1) Akta Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatuasaan 2009 [Akta 700], Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibrani Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah memperkenankan pelantikan empat (4) anggota Pesuruhjaya Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatuasaan / *Enforcement Agency Integrity Commission* (EAIC) untuk tempoh 3 tahun berkuat kuasa pada 1 Julai 2020 seperti yang berikut:

1. YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan
2. YBhg. Tan Sri Datuk Zainun binti Ali
3. YBhg. Dato' John Louis O'hara
4. YBrs. Prof. Dr. Nik Ahmad Kamal bin Nik Mahmud

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong turut memperkenankan pelantikan YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan sebagai Pengerusi dan YBhg. Tan Sri Datuk Zainun binti Ali sebagai Timbalan Pengerusi EAIC.

Pelantikan ini akan memperkuatkuahkan pelaksanaan fungsi dan keberkesanan EAIC ke arah memastikan mutu penguatuasaan yang berintegriti dan efektif dalam kalangan pegawai penguasa dan agensi penguatuasaan.

Kerajaan juga merakamkan penghargaan kepada barisan Pesuruhjaya EAIC terdahulu iaitu YBhg. Dato' A. Aziz bin A. Rahim, YBhg. Dato' Sabariah binti Hassan, YBrs. Prof. Madya Dr. Abang Ehsan Abang Othman, YBrs. Encik Lee Sow Siong, YBrs. Puan Leong May Chan dan YBrs. Erick James Deva Nayagam Gnanaratnam.

PEJABAT PERDANA MENTERI
24 Julai 2020



**KENYATAAN MEDIA
PEJABAT PERDANA MENTERI**

**PELANTIKAN ANGGOTA PESURUHJAYA
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**

Adalah dimaklumkan bahawa selaras dengan subseksyen 5(1) Akta Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatuasaan 2009 [Akta 700], Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibrani Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah memperkenankan pelantikan tiga (3) anggota Pesuruhjaya Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatuasaan / *Enforcement Agency Integrity Commission* (EAIC) untuk tempoh 3 tahun berkuat kuasa pada 1 November 2020 seperti yang berikut:


1. YBHG. TAN SRI MAHMOOD BIN ADAM
2. YBHG. TAN SRI DATO' WIRA AZIAH BINTI ALI
3. YBHG. DATO' ALIZATUL KHAIR BINTI OSMAN KHAIRUDDIN

Pelantikan ini melengkapkan barisan Pesuruhjaya Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatuasaan sedia ada yang diterajui oleh YBhg. Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan (Pengurus), YBhg. Tan Sri Datuk Zainun Ali (Timbalan Pengurus), YBhg. Dato' John Louis O'hara dan YBrs. Prof. Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmud.

Barisan Pesuruhjaya Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatuasaan ini pasti akan terus memacu matlamat dan komitmen EAIC memartabatkan integriti dalam kalangan agensi penguatuasaan seliaan.

PEJABAT PERDANA MENTERI
3 November 2020

Kenyataan Media daripada Pejabat Perdana Menteri berkeraaan Pelantikan Pengerusi dan Anggota Pesuruhjaya EAIC pada 24 Julai 2020 dan 3 November 2020



Kenyataan Media berkenaan Amaran Panggilan Palsu Menggunakan Nama EAIC pada 10 Disember 2020

SIJIL-SIJIL

SIJIL-SIJIL

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
BAKI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Sijil Mengenal Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengudit Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatuksaan. Penyata Kewangan tersebut mengikurni Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersifat Eksklusi serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuk ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 ringga 25.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan akurasi mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatuksaan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatuksaan 2009 (Akta 700).

Aksa Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diharuskan selanjutnya di peringati Tanggungjawab Jurueudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebutan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatuksaan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengenai salah nyata ketara akibat depredasi fraud adalah lebih tinggi berikutan kesifapan kerana fraud mungkin melibatkan pakalan, pemaluan, kelenggahan yang ditengajak, representasi yang salah, atau mengalih kawalan dalam.

b. Memahami kawalan dalam yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanannya kawalan dalam Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatuksaan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemasan bahawa anggaran perakaunan dan pandedahan yang berkaitan oleh Pesuruhanjaya.

d. Memberi kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan dasar perakaunan untuk usaha berlaku oleh Pesuruhanjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya kelebihan ketara yang berkaitan dengan positiva atau negativa yang mungkin membawa kesimpulan kerangka yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatuksaan sebagai calu usaha berlaku. Jika saya membuat kesimpulan bahawa kelebihan ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Jurueudit terhadap pendekatan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya atau, jika pendekatan tersebut tidak mencukupi, pendekat saya akan dubehi. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehubungan dengan Sijil Jurueudit.

e. Menilai persembahan secara keseluruhannya, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatuksaan termasuk pandedahannya, sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya telah melaporkan asas-asas urutnaga dan peristiwa-peristiwa yang memberi gambaran saksama.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Pesuruhanjaya berdasarkan Akta Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatuksaan 2009 (Akta 700) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap phak lain bagi kandungan sijil ini.

ZAKRI DIN MAMAT
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
PUTRAJAYA
7 MEI 2021

Maklumat Lain Sehingga Terhadap Penyata Kewangan dan Sijil Jurueudit Mengenalnya

Pesuruhanjaya Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatuksaan berfunggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Suruhanjaya tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Jurueudit mengenalnya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenalnya.

Tanggungjawab Pesuruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan

Pesuruhanjaya berfunggungjawab terhadap pernyadian Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatuksaan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatuksaan 2009 (Akta 700). Pesuruhanjaya juga berfunggungjawab terhadap penilaian kawalan dalam yang perlu bagi membolehkan pernyadian Penyata Kewangan Suruhanjaya yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Sama ada pernyadian Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatuksaan, Pesuruhanjaya bertanggungjawab untuk manfaat keupayaan Suruhanjaya untuk beroperasi sebagai satu usaha berlaku, mendidikannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Jurueudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatuksaan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Jurueudit yang mengikurni pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang djalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan senilai mengenai salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dengan ketara sama ada secara individu atau sgrup sejantarnya boleh dijangkau dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan pernyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan perlumbangan profesional dan mengelakkan kerugian profesional separang pengauditan. Saya juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatuksaan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk

2 / 3

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

PENGAKUAN DLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA
INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

Saya, Norhayati Ahmad pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berlaku pada tarikh dengan notoriot kepada Penyata Kewangan di dalamnya masing-masing adalah benar, pengerahan dan keprayaan saya, adalah benar dan saya membuat laporan ini dengan setemunya mempercayai bahawa ia adalah benar atau kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanan,1990.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
Disakui oleh penama diatas)

DI PUTRAJAYA)
pada 11 Februari 2021)

Di hadapan saya,


Norhayati Ahmad
PESURUHJAYA
KETUA AUDIT NEGARA
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
MALAYSIA

1

SIJIL-SIJIL

